

BAB IV

AKTIVITI BURUH PERIKANAN THAI SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS KE LAUT

4.0 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan tentang penglibatan buruh perikanan Thai setelah diterima bekerja di atas bot perikanan di Tok Bali. Aktiviti yang dilakukan oleh mereka dilihat dalam beberapa peringkat. Pertama, aktiviti yang dijalankan oleh mereka sebelum keluar ke laut. Aktiviti kedua, ialah aktiviti yang dijalankan di atas bot, dari peringkat bot meninggalkan jeti sehingga sampai ke lokasi dan seterusnya menjalankan operasi menangkap ikan. Tahap terakhir, ialah aktiviti yang dijalankan ketika bot masuk semula ke jeti untuk mendaratkan hasil tangkapan. Turut juga dibincangkan aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan semasa tidak ke laut dan juga di masa lapang. Sebelum membincangkan tentang aktiviti-aktiviti di atas, Bab ini juga akan menjelaskan tentang organisasi buruh perikanan semasa berada di atas bot perikanan.

4.1 ORGANISASI BURUH PERIKANAN THAI DI ATAS BOT JERUT

Aktiviti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai adalah berbeza-beza mengikut pengkhususan tugas yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada carta organisasi buruh perikanan Thai, bot *carter* pukat jerut kumpulan C2 menggunakan seramai 40 orang buruh perikanan Thai dan masing-masing mereka mempunyai tugas tertentu. Bot diketuai oleh seorang *Taikong* yang berperanan mengendalikan kerja-kerja di atas bot dan

dibantu oleh *Phuchui Taikong* (seorang), *Nakkapprea* (empat orang), *Phoa fei* (empat orang), *Juru unjam* (dua orang), *Jurucasbog* (dua orang), *Juru winch* (dua orang), *Enginear* (seorang), *Phoa krur* (seorang), *Nakdamnam* (seorang), *Juru sauh* (seorang) dan *Nakwang hear* (21 orang).¹ (Sila lihat Rajah 4.1). *Taikong* memainkan peranan penting dalam semua hal yang berkaitan dengan bot. Ini kerana majikan telah menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada *Taikong* untuk menjaga dan mengendalikan segala peralatan yang terdapat di atas bot.

4.2 PERSIAPAN DIJALANKAN SEBELUM KELUAR KE LAUT


Sebelum bot meninggalkan jeti, *Taikong* akan memastikan bahawa semua keperluan disediakan secukupnya. Biasanya dalam satu trip, bot akan berada di laut antara seminggu hingga sepuluh hari. Oleh sebab itu, sebelum bot bertolak ke laut, *Taikong* perlu merancang jadual perjalanan dengan baik supaya tidak menghadapi masalah semasa di tengah laut nanti.

Perkara yang penting dalam operasi pukat jerut ialah unjam. Dalam hal ini *Taikong* perlu memastikan bahawa semua bahan-bahan seperti pelepas kelapa, tali unjam, guni pasir dan buluh telah dinaikkan ke atas bot. Selain daripada itu, minyak diesel, air batu, bekalan air bersih dan keperluan dapur disediakan secukupnya. *Taikong* akan mengarahkan *Enginear* memastikan keadaan enjin bot ibu, bot unjam dan bot sangkut boleh berfungsi dengan baik.

4.2.1 PROSES MEMBUAT UNJAM

Unjam adalah sejenis perangkap ikan yang diperbuat daripada pelepas kelapa yang juga dikenali sebagai *lirik*. Unjam hanya disediakan oleh

Rajah 4.1 : Carta Organisasi Buruh Perikanan Thai Di Atas Bot Jerut



buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut dan unjam akan disediakan oleh mereka semasa di jeti. Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat unjam adalah terdiri daripada pelepas kelapa, guni pasir, tali, buluh dan pelampung. Sebelum kerja membuat unjam dimulakan, *Taikong* akan memastikan bahawa kesemua bahan yang diperlukan untuk membuat unjam disediakan secukupnya oleh majikan tempatan.

Majikan tempatan yang mempunyai bot pukat jerut di Tok Bali secara puratanya mempunyai lebih daripada tiga tempat unjam di tengah laut. Buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot jerut akan diarahkan oleh *Taikong* untuk membuat unjam apabila terdapat kerosakan unjam di tengah laut. Dalam hal ini, bilangan unjam yang perlu dihasilkan akan ditentukan oleh *Taikong* dari masa ke semasa. Kerosakan yang sering terjadi, biasanya buluh unjam telah reput, tali unjam terputus dan guni pasir pecah. Unjam yang rosak ini akan digantikan dengan unjam yang baru dalam tiga hingga empat trip ke laut dan semua unjam baru ini akan dilonggokkan di tempat unjam asal yang dikenal pasti oleh *Taikong* melalui GPS (*Global Positioning System*).

Semua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut tidak akan dikecualikan daripada kerja-kerja membuat unjam. Kerja-kerja membuat unjam dilakukan oleh awak-awak secara berkumpulan, di mana setiap kumpulan terdiri daripada empat hingga enam orang. *Taikong* tidak akan melibatkan diri dalam kerja-kerja membuat unjam dan menyerahkan tugas pengendalian tersebut kepada *Phuchui Taikong*. Biasanya kerja-kerja membuat unjam akan dimulakan setelah semua mereka bersarapan pagi, iaitu lebih kurang pukul sembilan pagi dan berakhir pada tujuh malam.

Dalam sebulan hampir 30 unjam baru perlu disediakan dan secara purata setiap unjam ibu akan ditambah antara lapan hingga 12 unjam baru setiap kali unjam dibawa ke tengah laut. Selain daripada itu, *Taikong* juga akan menambahkan lokasi unjam baru, sekiranya unjam asal telah rosak atau dihanyutkan. Sebelum *Taikong* memilih lokasi unjam baru, terlebih dahulu *Taikong* akan memastikan bahawa lokasi yang hendak dipilih tidak terlalu jauh dengan lokasi unjam asal. Kebiasaannya jarak unjam baru dengan unjam asal lebih kurang satu batu nautika. Ini adalah supaya aktiviti memukat boleh dijalankan dalam masa yang singkat dari tempat unjam asal dengan unjam baru.

Buruh perikanan Thai tidak melibatkan diri sepenuhnya dalam kerja-kerja mendapatkan pelepas kelapa. Kerja-kerja mengumpulkan bahan-bahan ini dilakukan oleh majikan. Bahan ini diperoleh dari kawasan sekitar Tok Bali, iaitu seperti dari Kampung Semerak, Chederang Ruku, Gunung dan kampung-kampung sekitar Pasir Putih. Dalam sebulan sebanyak 400 hingga 450 pelepas kelapa akan digunakan setiap kali membuat unjam.

Sebelum kerja-kerja membuat unjam dijalankan, kesemua pelepas kelapa yang dibekalkan oleh pembekal akan dipindahkan ke kawasan yang dikenal pasti oleh *Taikong*. Kerja-kerja ini akan dijalankan oleh awak-awak yang baru dan tidak mempunyai kemahiran dalam membuat unjam. Setiap lokasi yang dipilih akan dilonggokkan di antara 20 hingga 30 pelepas kelapa terlebih dahulu sebelum kerja-kerja membuat unjam dijalankan. Ini kerana kawasan yang digunakan untuk membuat unjam perlu luas dan

terselindung daripada pancaran cahaya matahari agar pelelah kelapa tidak mudah layu atau kering. Unjam yang telah siap akan dipindahkan ke bawah bañgsal yang didirikan oleh majikan berhampiran jeti.

Selain daripada pelelah kelapa, tali juga digunakan untuk membuat unjam. Panjang tali yang digunakan untuk membuat unjam adalah 15 depa. Bagi menyiapkan sebuah unjam, sebanyak 13 hingga 15 pelelah kelapa digunakan. Pada setiap satu depa tali, satu pelelah kelapa digunakan dan setiap bahagian ini diikat dengan kemas sebanyak tiga kali lilitan. Pelelah kelapa perlu diikat dengan kemas supaya ia tidak mudah terlerai semasa kerja-kerja memindahkan unjam ke atas bot atau di unjam ibu semasa di tengah laut.

Kerja-kerja membuat unjam akan dikendalikan oleh buruh perikanan Thai yang berpengalaman. Mereka akan memberi tunjuk ajar kepada awak-awak baru bagi mempercepatkan kerja-kerja menyiapkan unjam dilakukan. Kebiasaannya masa yang digunakan untuk mempelajari teknik-teknik membuat unjam hanyalah dalam masa satu hari sahaja. Mereka hanya perlu memerhatikan dari peringkat awal unjam dibuat, iaitu menguasai teknik-teknik membuat ikatan pada unjam. Kerja-kerja untuk menghasilkan unjam akan dibayar oleh majikan tempatan dan cara pembayaran ini akan diterangkan secara terperinci dalam Bab V nanti.

4.2.2 CARA UNTUK MENYUSUN BULUH DI ATAS BOT

Buluh merupakan bahan penting yang digunakan untuk membuat unjam. Buluh digunakan sebagai pelampung untuk mengelakkan unjam daripada tenggelam. Buluh juga berfungsi sebagai alat penanda kedudukan

sesebuah unjam di tengah laut. Daripada jarak 500 meter lagi *Taikong* dapat melihat tempat unjam mereka kerana semasa arus deras hujung buluh akan berdiri secara menegak semasa arus bergerak.

Sebelum keluar ke laut, buruh perikanan Thai akan memindahkan buluh yang dilonggokkan di jeti ke atas bot. Sebatang buluh yang panjang lebih kurang 20 kaki digunakan untuk membuat unjam. Buluh ini akan disusun secara rapi di birai bot. Di bahagian pangkal buluh disusun menghala ke bawah dan bahagian hujung buluh diletakkan di atas belakang penghalang bot.


Buluh yang disusun di atas bot diletak secara seimbang supaya kedudukan bot stabil semasa ia bergerak. Setiap kali bot mengisi unjam, buluh akan dibawa keluar bersama. Biasanya 30 batang buluh digunakan, maka buruh perikanan Thai akan menyusun 15 batang buluh di sebelah kiri bot dan selebihnya di sebelah kanan bot. Buluh disusun dan diikat dengan kemas supaya tidak menghalang lalu-lintas awak-awak semasa di atas bot. (Sila lihat Gambar 4.1).

4.2.3 MENGISI PASIR KE DALAM GUNI

Pasir akan dimasukkan ke dalam guni beras dan diisi lebih kurang 100 kilogram. Guni pasir digunakan sebagai pemberat dan diikat pada hujung tali unjam sebelum dimasukkan ke dalam laut. Pasir yang banyak terpaksa digunakan untuk mengelakkan unjam daripada hanyut atau terapung semasa arus deras. Pasir yang digunakan diperoleh dari sekitar jeti.

Kerja-kerja mengisi pasir dijalankan ketika buruh perikanan Thai hendak mandi pada waktu petang. Semua awak-awak yang bekerja di atas bot

Gambar 4.1: Buruh Perikanan Thai Sedang Memindahkan Buluh Dari Jeti Ke Atas Bot Pukat Jerut



akan bersama-sama menjalankan tugas tersebut tanpa mengira tua atau muda. Awak-awak daripada bot lain tidak datang membantu mengisi pasir, kecuali awak-awak dari bot lain tetapi bekerja dengan majikan yang sama sahaja akan datang membantu. (Sila lihat Gambar 4.2).

Guni yang siap diisi dengan pasir akan diikat dengan kemas supaya guni tersebut tidak mudah terbuka apabila direndam dalam laut. Awak-awak akan memilih guni yang baru dan berkualiti untuk diisikan dengan pasir. *Taikong* akan menambahkan guni baru apabila kedudukan tali unjam terapung di permukaan air.

Guni yang siap diisi pasir akan dilonggokkan di tepi pantai, sebaik sahaja kerja-kerja mengisi pasir di dalam guni selesai dijalankan, *Nakkapprea* akan menggerakkan bot menghampiri ke tempat longgokkan guni pasir tersebut dan melemparkan tali tunda kepada salah seorang buruh perikanan Thai yang berada di sana. Dengan menggunakan bantuan *winch*, guni yang siap diisi dengan pasir dinaikkan ke dalam bot satu demi satu. Salah seorang buruh perikanan Thai akan menunggu di atas bot untuk menyusun dan membuka ikatan tali tunda tersebut.

Guni pasir yang dinaikkan ini biasanya akan diletakkan di bahagian hadapan bot dan bahagian birai kiri bot, ia disusun sedemikian supaya kedudukan bot sentiasa berada dalam keadaan seimbang dan tambahan pula semua kerja-kerja menurunkan unjam dijalankan di bahagian ini. Biasanya *Taikong* akan membawa guni pasir melebihi daripada bilangan unjam yang hendak di bawa keluar, ini kerana guni pasir yang pecah di tempat

Gambar 4.2 : Buruh Perikanan Thai Sedang Mengisi Pasir Ke Dalam Guni



unjam ibu akan terus digantikan dengan guni pasir baru supaya unjam ini tidak terapung di atas permukaan air. Kerja-kerja mengisi pasir di dalam guni akan dibayar oleh majikan dan akan dibincangkan dalam Bab seterusnya.

4.2.4 TEMPOH KETAHANAN UNJAM SEMASA DI DALAM LAUT

Unjam yang diletakkan di tengah laut akan cepat rosak kalau dibandingkan dengan unjam yang terletak di kawasan yang berhampiran dengan pantai. Bot menangkap ikan yang diluluskan oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk digunakan oleh buruh perikanan Thai adalah kategori C dan C2. Oleh sebab itu, unjam yang dibina adalah jauh daripada pantai biasanya melebihi 30 batu nautika. Kadar kereputan unjam di tengah laut adalah lebih tinggi berbanding dengan unjam yang dipasang berhampiran dengan pantai. Ini kerana kadar kemasinan air laut akan bertambah mengikut jarak dan kedalaman air laut.

“Taburan mendatar kemasinan pada pelbagai kedalaman perairan Semenanjung Malaysia agak seragam kecuali di sekitar perairan Kelantan. Di mana ia menurun dengan agak cepat. Di paras 30 meter kemasinan agak lebih tinggi dan kian bertambah arah ke utara sejajar atau sesuai dengan kejatuhan suhu di arah yang serupa, kemasinan di dasar laut kian bertambah masin mengikut kedalaman air”.²

Semakin jauh kawasan operasi bot jerut, maka semakin jauh unjam yang perlu diletakkan di tengah laut. Kadar ketahanan sebuah unjam hanya selama dua hingga tiga minggu sahaja. Oleh sebab itu, unjam-unjam baru perlu ditambah setiap sebulan sekali semasa bot keluar ke laut.

4.2.5 MENGISI MINYAK DIESEL

Minyak diesel merupakan bahan pembakar yang utama dalam

mengerakkan enjin bot. Ini kerana setiap bot yang digunakan untuk menangkap ikan menggunakan enjin berkuasa diesel. Selain dari itu harga diesel yang rendah amat bersesuaian digunakan untuk mengerakkan enjin bot. Oleh itu penggunaan enjin minyak diesel dapat mengurangkan kos perbelanjaan setiap operasi ke laut.

Setiap bot pukat jerut yang digunakan untuk menangkap ikan menggunakan kuantiti minyak diesel yang berbeza-beza. Kadar penggunaan minyak diesel setiap bot bergantung kepada jenis bot dan kadar muatan bot. Dalam setiap trip ke laut, biasanya bot jerut kumpulan C akan mengisi kira-kira 4,000 liter hingga 5,000 liter minyak diesel sebelum keluar ke laut. Manakala bot jerut daripada kumpulan C2 akan mengisi kira-kira 6,000 liter hingga 7,000 liter minyak diesel.

Sebelum keluar ke laut, *Taikong* akan memastikan minyak diesel di dalam tangki minyak di dalam bot diisikan sepenuhnya sebelum keluar ke laut. Selain daripada diisikan di dalam tangki minyak bot, mereka juga akan mengisi minyak diesel di dalam tong minyak yang berasingan yang terletak di belakang bot. *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* untuk menggerakkan bot ke jeti yang menyediakan perkhidmatan pam minyak diesel yang berdekatan. Sebaik sahaja sampai ke tempat pam minyak, *Phuchui Taikong* akan berjumpa dengan pengurus minyak untuk memberitahu kuantiti minyak diesel yang diperlukan. Kebiasaannya majikan bot akan mengarahkan *Taikong* mengisi minyak di tempat pam yang menawarkan perkhidmatan secara kredit.


Sebaik sahaja *Phuchui Taikong* berjumpa dengan pengurus pam minyak, buruh perikanan Thai yang ditugaskan oleh *Taikong* akan mengambil sauran paip minyak dan di bawa ke tangki minyak di atas bot. Dua hingga tiga buruh perikanan Thai akan mengendalikan kerja-kerja mengisi minyak dan awak-awak yang tidak terlibat akan membuat kerja masing-masing. Kebiasaannya minyak akan terus diisi sebaik sahaja bot masuk ke jeti. Ini kerana untuk mengelakkan daripada menghadapi masalah untuk mendapatkan minyak kerana pam minyak di sini tidak beroperasi selama 24 jam dalam sehari. Pengurus pam minyak hanya akan datang ke jeti apabila dihubungi oleh *Taikong*. Ini kerana semua bot jerut yang beroperasi di Tok Bali tidak mempunyai satu jadual pendaratan ikan yang tetap. (Sila lihat Gambar 4.3)

Terdapat juga sesetengah bot pukat jerut akan terus keluar ke laut sebaik sahaja kerja-kerja menurunkan ikan dijalankan. *Taikong* akan menghubungi pengurus pam minyak supaya datang ke jeti secepat mungkin supaya *Taikong* boleh mendapatkan minyak dan boleh keluar semula ke laut pada malam itu juga. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil bot pukat jerut akan menunggu pada keesokan untuk mengisi minyak sekiranya mereka mendarat ikan pada waktu subuh dan mereka akan menunggu sehingga pengurus pam minyak sampai.

4.2.6 MENGISI AIR BATU KE DALAM *HOMPRAL*

Air batu adalah satu keperluan yang penting dalam sektor perikanan. Satu trip keluar ke laut, bot pukat jerut memerlukan lebih kurang 200 blok air batu untuk bot pukat jerut C dan lebih kurang 300 blok air batu

Gambar 4.3 : Buruh Perikanan Thai Sedang Mengisi Minyak Diesel Ke Dalam Bot




untuk kumpulan bot pukat jerut C2 (Sila lihat Gambar 4.4). Berat untuk setiap satu blok air batu adalah 50 kilogram. Jumlah air batu yang perlu digunakan dalam satu trip bergantung kepada saiz bot dan tempoh operasi bot di laut. Semakin lama bot keluar ke laut, maka semakin banyak kuantiti air batu yang diperlukan terutamanya pada bulan Januari hingga bulan Mac setiap tahun. Ini kerana pada bulan tersebut sukar untuk mendapatkan hasil tangkapan.

Air batu yang digunakan dalam bot akan dihancurkan dengan mesin penghancur terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam *hompral*. Seorang awak-awak yang bertugas sebagai *Jurucasbog* akan memainkan peranan semasa bot mendarat di kilang air batu, *Taikong* akan memberitahu kepada *Jurucasbog* jumlah air batu yang perlu digunakan untuk setiap trip ke laut. *Jurucasbog* akan berjumpa dengan pengurus kilang air batu dan memberitahu jumlah air batu yang diperlukan. Semasa kerja-kerja menghancurkan air batu dijalankan, *Jurucasbog* akan memastikan bahawa air batu tersebut dimasukkan ke bahagian *hompral* yang betul. Air batu yang telah dihancurkan akan diisi secara berselang seli ke dalam *hompral*. Kaedah pengisian air batu dilakukan sedemikian adalah untuk memudahkan kerja-kerja memindahkan air batu ke bahagian petak yang hendak diisikan dengan ikan.

4.2.7 *MEMBUBU PUKAT (MENJAHIT PUKAT)*

Pukat merupakan satu perkakas penting digunakan untuk menangkap ikan. Kebiasaannya sebuah bot pukat jerut terdapat dua bidang pukat yang sama saiz. Salah satu pukat hanya akan digunakan sekiranya terdapat kerosakan yang teruk pada badan pukat asal. *Taikong* akan mengarahkan dua hingga tiga orang *Nakwang hear* mengeluarkan pukat yang

Gambar 4.4 : Buruh Perikanan Thai Sedang Mengisi Air Batu Ke Dalam *Homprai*



baru dari *hompral* dan kerja-kerja memukat akan terus dijalankan semula. Pada waktu siang, *Taikong* akan mengarahkan semua *Nakwang hear* mengeluarkan semula pukat yang koyak tersebut dan kerja-kerja *membubu* pukat akan dilakukan secara beramai-ramai di atas bot.

Kerja-kerja *membubu* pukat dijalankan dengan cara duduk bersila. *Nakwang hear* akan melunjurkan kaki kiri ke hadapan dan pukat akan direntangkan menggunakan ibu jari kaki supaya pukat menjadi tegang (Sila lihat Gambar 4.5). Kerja-kerja membubu pukat memerlukan kemahiran yang tinggi, setiap awak-awak yang bekerja di atas bot perlu mempelajari dan memahirkan diri untuk *membubu* pukat. *Nakwang hear* yang mahir dalam selok-belok *membubu* pukat akan memberi tunjuk ajar kepada mereka yang baru bekerja. Kerja-kerja *membubu* pukat dibuat secara teliti supaya semua bahagian badan pukat yang koyak dapat *dibubu* sepenuhnya.

Awak-awak yang bekerja di atas bot di Tok Bali bukan kesemuanya mahir dalam kerja *membubu* pukat dan sesetengah daripada mereka tidak berminat untuk mempelajarinya, terutamanya bagi mereka yang tidak pernah melibatkan diri dalam sektor perikanan. Bagi mereka yang tidak mahir dalam kerja-kerja ini akan menolong *Nakwang hear* memasukkan benang ke dalam *chabang*³ apabila diperlukan. Kebiasaananya, masa *membubu* pukat yang melebihi dua hari akan dibayar oleh majikan. Kerja-kerja *membubu* pukat seperti ini sering kali dijalankan semasa musim tengkujuh sahaja. Pukat biasanya akan rosak dan pecah apabila sampai tempoh tertentu. Biasanya sebidang pukat yang baru boleh digunakan hampir setahun dan sesetengah pukat boleh bertahan sehingga satu setengah tahun.

Gambar 4.5 : Buruh Perikanan Thai Sedang *Membubu Pukat*



4.2.8 MEMBAIKI KEROSAKAN DI DALAM BOT

Sebelum keluar ke laut, *Enginear* akan membuat pemeriksaan awal pada bahagian enjin bot supaya berada dalam keadaan baik. Generator untuk menjana kuasa elektrik akan *diservis* terlebih dahulu oleh *Enginear* semasa di jeti. *Enginear* akan memastikan segala peralatan yang hendak digunakan seperti *sportlight* dalam bot unjam⁴ dapat berfungsi dengan baik, mentol *sportlight* yang terbakar akan digantikan dengan yang baru.

Sekiranya terdapat kerosakan pada enjin bot yang tidak dapat diperbaiki, *Enginear* akan memberitahu tentang kerosakan ini kepada *Taikong*. *Taikong* akan bersama-sama dengan *Enginear* memikirkan cara-cara yang terbaik untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Sekiranya mereka tidak dapat memperbaiki kerosakan tersebut, *Taikong* akan memberitahu kepada majikan dan meminta bantuan mekanik yang berdekatan supaya datang membaiki kerosakan pada enjin tersebut.

4.2.9 MEMBELI KEPERLUAN DAPUR

Phoa krur akan memastikan segala keperluan dapur yang diperlukan sentiasa mencukupi sebelum keluar ke laut. *Phoa krur* akan menyenaraikan barang-barang keperluan dapur yang hendak digunakan dan senarai barang yang diperlukan akan diserah kepada pengurus bot. Sesetengah *Phoa krur* akan keluar bersama-sama pengurus bot ke kedai yang berdekatan untuk mendapatkan barang-barang yang diperlukan.

Selain daripada *Phoa krur*, awak-awak juga akan ke kedai yang berhampiran untuk membeli barang keperluan masing-masing, seperti


biskut, mee segera, rokok, gula-gula, air tin, majalah hiburan, cakera padat, alat memancing dan sebagainya. Walaupun awak-awak dibenarkan untuk keluar membeli keperluan asas yang diperlukan tetapi mereka hanya dibenarkan membelinya di kedai sekitar jeti sahaja. (Sila lihat Gambar 4.6).

4.2.10 AKTIVITI SEMASA BOT MENINGGALKAN JETI


Buruh perikanan Thai di Tok Bali boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang besar, iaitu buruh perikanan Thai yang beragama Buddha dan yang beragama Islam. Sebelum keluar ke laut, *Taikong* yang beragama Buddha akan menjalankan upacara menyembah *mak'anam* dan menyembah patung dewa yang terdapat di atas *kechong* (Sila lihat Gambar 4.7). Upacara penyembahan dewa ini akan dijalankan seketika bot hendak keluar ke laut. Tujuan *Taikong* berbuat demikian adalah untuk memohon restu dan meminta dijauhkan daripada malapetaka, serta memohon ditambahkan hasil tangkapan pada trip tersebut.

Setengah jam sebelum keluar ke laut pada waktu malam, *Taikong* akan mengarahkan *Engineer* untuk menghidupkan enjin dan beberapa *sporlight* di atas bot akan dihidupkan juga. Pada masa itu awak-awak yang sedang makan dan berehat di sekitar jeti akan mengetahui bahawa bot akan meninggalkan jeti tidak berapa lama lagi. Bagi mereka yang berada di kedai berdekatan akan membuat persediaan awal dan membeli semua keperluan yang diperlukan dengan secepat yang mungkin. Dua puluh lima minit kemudian, *Taikong* akan membunyikan hon secara dua kali berturut-turut sebagai isyarat kedua kepada semua awak-awak untuk naik ke atas bot.

**Gambar 4.6 : Buruh Perikanan Thai Sedang Membeli
Alatan Memancing Dan Keperluan Harian**



Gambar 4.7 : Tempat Sembahyang Buruh Perikanan Thai Beragama Buddha di Atas Kechong



4.3 AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEMASA DI ATAS BOT

Semasa tidak membawa unjam ke laut, bot akan keluar pada waktu tengah hari supaya kerja-kerja memukat boleh terus dijalankan sebaik bot sampai di kawasan unjam. Sekiranya pada trip tersebut bot membawa unjam, biasanya *Taikong* akan keluar ke laut pada waktu malam. Ini kerana semua persiapan untuk menaikkan unjam ke atas bot dilakukan pada waktu petang. Setelah semua buruh perikanan Thai naik ke atas bot, *Nakkapprea* akan menggerakkan bot dan menuju ke arah kawasan unjam. Sebelum bot keluar dari kuala Tok Bali, *Nakkapprea* akan mengemudi bot dengan berhati-hati kerana di sekeliling kuala ini terlalu sibuk dengan bot-bot yang keluar masuk ke jeti.

Semasa meninggalkan kuala Tok Bali, *Nakkapprea* akan menambah kelajuan bot iaitu dengan kelajuan tujuh knot sejam. Semasa di atas bot semua awak-awak akan membuat kerja masing-masing, sesetengah daripada mereka akan berehat dan berbual-bual sesama sendiri. Kebiasaannya setelah sesetengah jam bot meninggalkan jeti, semua awak-awak akan masuk ke tempat tidur masing-masing, begitu juga dengan *Taikong*. Dalam sepanjang masa untuk bot sampai ke kawasan unjam hanya *Nakkapprea* sahaja akan terus mengemudi bot. Masa yang diambil untuk sampai ke tempat unjam pertama dari jeti adalah antara enam hingga tujuh jam.

Setelah hampir sampai ke lokasi unjam, *Taikong* akan membunyikan hon dua kali berturut-turut sebagai isyarat kepada semua awak-awak bahawa kerja-kerja memukat atau menurunkan unjam akan dilakukan


setengah jam kemudian. Kebiasaan *Taikong* akan membunyikan hon apabila kedudukan unjam ibu mulai kelihatan dari arah *kechong*. *Nakkapprea* akan memperlakukan pergerakan bot apabila menghampiri unjam ibu. Setelah mendapat arahan daripada *Taikong*, kerja-kerja menurunkan unjam baru pun dimulakan.

4.3.1 KAEDAH MENURUNKAN UNJAM DI TENGAH LAUT

Apabila bot telah sampai ke lokasi unjam asal, *Taikong* akan mengarahkan Juru unjam menurunkan unjam dan dibantu oleh beberapa awak-awak yang lain. Pertama sekali Juru unjam akan menurunkan buluh terlebih dahulu dan pelepah kelapa akan diikat pada bahagian pangkal buluh bersama-sama dengan sebuah pelampung. Proses terakhir pula barulah guni pasir diturunkan dari bot. Pelampung berwarna putih digunakan supaya pada waktu malam *Taikong* masih boleh melihat kedudukan unjam dari jarak yang jauh, iaitu lebih kurang satu batu nautika daripada kedudukan bot. Oleh sebab itu, walaupun pada masa itu arus di bawah bergerak dengan deras tetapi unjam yang dilepaskan masih boleh kelihatan. (Sila lihat Gambar 4.8).

Semasa kerja-kerja menurunkan unjam dijalankan, *Nakkapprea* akan menggunakan *winch* untuk mengalihkan semua guni pasir ke bahagian birai bot, apabila semua bahan-bahan unjam yang lain telah diturunkan, barulah guni pasir dijatuhkan ke laut. Semasa kerja-kerja menurunkan unjam dijalankan, hanya dua hingga tiga orang *Nakwang hear* sahaja akan menurunkan guni pasir dan awak-awak yang lain akan duduk di sisi kanan birai bot. *Taikong* akan mengarahkan awak-awak yang tidak terlibat berdiri di bahagian sisi kanan birai bot supaya mengelakkan tali yang diikat pada guni

Gambar 4.8 : Buruh Perikanan Thai Sedang Menurunkan Buluh Di Kawasan Unjam Ibu



pasir tidak tersimpul atau dipijak oleh awak-awak lain. Kerja-kerja menurunkan guni pasir sangat berbahaya kerana ia dijatuhkan semasa bot sedang bergerak dengan laju.

Semasa hendak menurunkan unjam sembilan orang awak-awak digunakan, iaitu tiga orang akan menjaga guni pasir, seorang digunakan untuk membuang unjam, seorang menjaga mesin tali untuk menaikkan guni pasir, tiga orang memainkan peranan untuk menjatuhkan buluh ke laut dan seorang awak-awak ditugaskan untuk membantu mengikat unjam pada pelampung dan kerja-kerja untuk menurunkan unjam dibuat secara berurutan.


4.3.2 PENGUNAAN SONAR SEMASA MENANGKAP IKAN

Bot *carter* pukat jerut yang disewa oleh majikan tempatan dilengkapi dengan peralatan moden. Peralatan ini hanya akan dikendalikan oleh seorang *Taikong* yang mempunyai pengalaman yang luas dan mahir dalam penggunaan sonar. Sonar yang berharga lebih kurang RM50,000.00 digunakan untuk mengesan kedudukan dan jenis ikan yang bergerak di dalam laut. Kedudukan ikan dapat dilihat melalui skrin sonar. Alat ini dapat mengesan kedudukan objek sehingga jarak 1000 meter persegi dari jarak bot dan 100 meter ke dasar laut. Selain daripada itu, GPS turut digunakan untuk mengetahui kedudukan unjam yang dipasang di tengah laut. GPS juga digunakan untuk mengetahui kelajuan bot, arah kedudukan bot, kedalaman dasar laut dan objek-objek di dalam laut. Dengan penggunaan peralatan moden ini, dapat membantu *Taikong* dengan mudah mengesan taburan ikan di laut.

Sebelum pukat diturunkan, *Taikong* terlebih dahulu akan melihat taburan ikan di kawasan tersebut, sama ada mempunyai ikan yang banyak ataupun sebaliknya. Semasa bot berada di tengah laut, sonar sentiasa dihidupkan, terutamanya apabila bot menghampiri kawasan unjam. *Taikong* akan merekodkan tempat-tempat yang mempunyai ikan yang banyak ke dalam GPS. Tujuannya adalah untuk memudahkan *Taikong* menuju ke kawasan tersebut. Kawasan yang mempunyai banyak ikan, sonar akan mengeluarkan bunyi yang kuat⁵ apabila bot semakin menghampiri ke kawasan ikan bermain. Semakin padat taburan ikan di tempat tersebut, semakin kuat dan nyaring bunyi yang dikeluarkan oleh sonar.

Taikong akan melihat pada skrin sonar untuk menentukan jumlah ikan yang bermain di sekitar unjam ibu⁶ (Sila lihat Gambar 4.9). Kuantiti dan jenis ikan dapat dikenal pasti melalui warna yang dipaparkan melalui skrin sonar. Warna gelap dalam skrin sonar menunjukkan terdapat banyak ikan di sekitar unjam. Sekiranya terdapat banyak ikan di sekitar unjam, *Taikong* akan mengarahkan Juru sauh menurunkan sauh dan bot akan berlabuh di sana. Pada masa ini semua awak-awak di atas bot akan mengambil kesempatan untuk memancing. *Taikong* tidak mengambil bahagian dan hanya memerhatikan sahaja dari *kechong*. Di sepanjang sisi kanan dan kiri birai bot akan dipenuhi dengan joran sahaja. Dalam masa yang singkat, setiap seorang daripada mereka akan berjaya mendaratkan ikan dalam kuantiti yang agak banyak. Hasil daripada pancing ini akan dijual oleh buruh perikanan Thai dan hal ini akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab V nanti.

Gambar 4.9 : Taikong Sedang Memerhatikan Ikan Melalui Skrin Sonar



Apabila skrin sonar menunjukkan terdapat banyak ikan di kawasan sekitar unjam ibu, *Taikong* akan mengarah *Phoa fei* bersiap sedia untuk menurunkan bot sangkut ke laut dan kerja-kerja menurunkan bot ini akan dibantu oleh 12 hingga 14 orang awak-awak. Sebelum itu, *Phoa fei* akan memastikan tali yang diikat pada setiap penjuru bot berada dalam keadaan tegang kerana bimbang ia terjatuh semasa dinaikkan. Bot sangkut ini akan ditarik naik dengan menggunakan *tali baur* yang terletak di sebelah kiri bot dan semua kerja ini akan dikawal oleh Juru *winch* yang berada di sebelah sisi birai kiri bot.

Apabila bot sangkut ini dinaikkan sampai ke birai bot, bagi memudahkan bot ini dijatuhkan ke laut, seorang *Nakwang hear* akan menggunakan buluh yang berukuran lebih kurang dua depa panjang untuk mencungkil bot supaya boleh dinaikkan di atas birai bot ibu. Dengan bantuan sepuluh orang *Nakwang hear*, bot ini ditolak keluar dari sisi bot ibu dan *tali baur* akan diturunkan dengan menggunakan bantuan *winch* sehingga bot sangkut telah mencecah ke permukaan air laut.

Setelah bot sangkut diturunkan, tiga orang *Phoa fei* akan menggunakan bot sangkut ini meninjau di sekeliling unjam ibu. Pada sekitar jam enam petang, *Phoa fei* akan menurunkan *generator*, satu unjam anak, tiga rumah api yang dipasang dengan lampu gasolin dan tiga lampu yang menggunakan kuasa *generator*. *Taikong* akan mengarahkan dua orang *Nakwang hear* mengeluarkan lampu gasolin yang disimpan dalam rak di sisi birai kanan bot. Dalam masa yang sama sembilan lampu gasolin yang hendak digunakan akan diisikan dengan gas sehingga penuh. Dalam masa yang sama


enam *Nakwang hear* akan membantu untuk menurunkan rumah api⁷ dari bot ibu. Kerja-kerja menurunkan rumah api ini dijalankan secara berturutan.

Setelah rumah api diturunkan dari bot ibu, *Phoa fei* akan menunda rumah api ke kawasan unjam ibu. Selepas itu rumah api ini akan diikat pada salah satu buluh di unjam ibu. Tujuan rumah api diletakkan di sana adalah supaya ikan-ikan yang bermain di sekitarnya akan menuju ke arah cahaya lampu gasolin. (Sila lihat Gambar 4.10). Bagi membolehkan aktiviti menurunkan pukat dijalankan secara berterusan, *Taikong* akan mengarahkan *Phoa fei* meletakkan rumah api di setiap unjam ibu yang lain. Lazimnya dalam semalam tiga rumah api akan diletakkan di unjam ibu yang berasingan.

Apabila ikan sudah banyak bermain di dalam unjam ibu, *Taikong* akan mengarahkan Juru sauh menaikkan sauh dan *Nakkapprea* akan menggerakkan bot ibu untuk meninggalkan unjam ibu. Bagi mengelakkan ikan mengetahui kehadiran bot, *Taikong* akan menghubungi Juru unjam yang terletak di sekitar unjam ibu supaya menghidupkan lampu *sportlight* yang berkuasa 500 watt setiap seunit satu demi satu dan akhirnya kesemua 20 buah lampu *sportlight* di atas bot anak dihidupkan. Suasana di sekitar unjam ibu akan diterangi dengan cahaya lampu *sportlight*. Hanya beberapa minit sahaja ikan yang bermain di sekitar unjam ibu akan berenang ke arah cahaya lampu tanpa menyedari bahawa ini adalah satu perangkap.

Setengah jam kemudian, *Taikong* akan mengarahkan tiga orang *Phoa fei* pergi semula ke unjam ibu yang pertama. Mereka pergi ke sana dengan cara mendayung untuk mengambil semula rumah api yang diletaknya

Gambar 4.10 : *Phoa fei* Sedang Menunda Rumah Api Ke Unjam Ibu



di unjam ibu. Lampu gasolin yang terdapat di atas rumah api akan dipadamkan dan rumah api akan ditunda semula ke arah bot ibu dan seerusnya ia akan dinaikkan ke atas bot ibu supaya tidak menghalang kerja-kerja yang akan dijalankan seterusnya.

Taikong akan menghubungi Juru unjam dengan menggunakan *vidiyuk*⁸ untuk memastikan taburan ikan di sekitar unjam ibu. Apabila semuanya berada dalam keadaan baik, Juru unjam akan menghidupkan lampu berkelip-kelip yang berwarna merah sebagai isyarat kepada *Taikong* bahawa aktiviti menurunkan pukat boleh dijalankan. Dalam masa yang sama *Taikong* akan mengarahkan semua *Nakwang hear* bersiap sedia untuk menurunkan pukat.

Sebelum pukat diturunkan, beberapa perkara penting diambil kira oleh *Taikong*, perkara utamanya ialah pergerakan arus pada ketika ini. Sekiranya laut ketika itu berada dalam keadaan arus lembut, *Taikong* akan mengarah awak-awak supaya menurunkan 300 depa daripada 400 depa panjang pukat tetapi sekiranya berlaku sebaliknya iaitu pergerakan arus deras, maka *Taikong* akan mengarahkan *Nakwang hear* menurunkan kesemua pukat yang digunakan.

Selain daripada itu, *Taikong* juga akan mengambil kira keluasan kawasan ikan berkumpul sebelum menurunkan pukat. Seandainya ikan berkumpul secara bertaburan, maka lebih panjang pukat akan diturunkan. Tujuan *Taikong* bertindak sedemikian untuk mengelakkan ikan yang hendak dilingkungi terlepas sebelum satu lengkungan penuh selesai dijalankan.

Faktor masa juga akan diambil kira oleh *Taikong*. Kerja-kerja menurunkan pukat akan dilakukan sebanyak tiga hingga empat kali untuk semalam yang bermula pada sekitar pukul tujuh malam dan pukat yang terakhir akan diturunkan di antara jam tujuh hingga lapan pagi. Sekiranya pukat yang diturunkan tanpa mengambil kira perkara-perkara tersebut, kemungkinan dalam semalam mereka hanya mampu menurunkan pukat dua hingga tiga kali sahaja.

Faktor keletihan juga akan diambil kira oleh *Taikong* semasa hendak menurunkan pukat. Kebiasaannya pada peringkat awal, *Taikong* akan mengarah *Nakwang hear* menurunkan lebih panjang pukat sekiranya arus pada masa itu bergerak secara tenang. Namun demikian pada kali ketiga dan kali keempat pukat diturunkan, *Taikong* akan mengarahkan awak-awak supaya pukat hanya diturunkan lebih kurang 250 depa. Keadaan ini disebabkan sesetengah daripada *Nakwang hear* mulai keletihan. Pada masa yang sama ikan akan mulai bergerak secara bertaburan pada waktu siang dan hanya ikan-ikan yang bersaiz kecil akan terus bermain di dalam kawasan unjam ibu.

Semasa proses menurunkan pukat, *Lampu nam* dan gelang pukat akan diturunkan bersama-sama dengan pukat. Sebelum menurunkan pukat hujung tali pada bahagian gelang di bawah badan pukat akan diikat terlebih dahulu. Sebaik sahaja pukat diturunkan, *Nakkapprea* akan mengerakkan bot supaya menjadi satu lingkungan. Dalam masa yang sama bot akan dilajukan sehingga tujuh knot sejam supaya pukat yang terletak di atas bot akan turun dengan sendirinya. Masa yang digunakan untuk bot membuat satu lingkungan penuh adalah antara 10 hingga 15 minit. Sebaik


sahaja satu lingkungan penuh selesai dijalankan, ikan-ikan yang bermain di sekitar rumah api dan unjam anak akan terperangkap di dalam lingkungan pukat tersebut.

Apabila bot ibu telah siap membuat satu lingkungan, lampu nam yang digunakan sebagai penanda hujung akan dinaikkan dengan menggunakan *changdak*.⁹ Selepas itu kerja-kerja memesin gelang dijalankan dengan bantuan *winch*. Sebaik sahaja semua gelang telah dinaikkan, gelang pada bahagian bawah pukat akan dibersihkan dengan menggunakan pancutan air yang disedut dari laut. Kerja-kerja pembersihan gelang pukat akan diuruskan oleh seorang *Nakwang hear* yang telah ditugaskan oleh *Taikong*. Tujuan gelang dibersihkan adalah untuk menghilangkan kotoran yang terlekat pada gelang seperti lumpur dan telur-telur sotong sebelum pukat disimpan.

Apabila kerja-kerja menaikkan gelang selesai dijalankan, semua *Nakwang hear* akan berkumpul di sisi kanan dan kiri birai bot untuk menaikkan pukat. Di sebelah kanan bot dikendalikan oleh 25 orang *Nakwang hear*, ia memerlukan ramai orang kerana semua kerja menarik pukat tidak menggunakan bantuan robot dan ia ditarik dengan menggunakan tenaga manusia. Manakala di sebelah kiri birai bot pula hanya dikendalikan oleh enam orang *Nakwang hear* sahaja. (Sila lihat Gambar 4.11).

Semasa pukat hendak dinaikkan di sisi kiri birai bot, seorang *Nakwang hear* yang ditugaskan oleh *Taikong* akan ke bahagian *winch* untuk menaikkan tali pukat. Selepas pukat dinaikkan ke bahagian birai bot, tiga orang *Nakwang hear* akan melayangkan pukat supaya pukat merentang di

**Gambar 4.11 : Buruh Perikanan Thai Sedang Menaikkan Pukat
Di Sebelah Sisi Kiri Bot**



bahagian atas roda robot dan kerja-kerja menarik pukat akan diteruskan semula. Kerja-kerja menarik pukat boleh dijalankan dengan cepat kerana pada bahagian roda robot boleh digerakkan mengikut arah yang diperlukan sama ada 60 darjah ke kiri ataupun 60 darjah ke kanan, tambahan pula ia digerakkan dengan menggunakan kuasa enjin bot.

Walaupun badan pukat telah dinaikkan, tetapi tali yang digunakan untuk menjerut pukat masih berada di dalam laut dan sekali lagi tali ini akan dinaikkan dengan menggunakan bantuan Juru *winch* yang terletak di bahagian kiri bot. Kerja-kerja untuk menaikkan tali jerut perlu dijalankan dengan pantas supaya ikan yang terperangkap di dalam pukat tidak berpeluang untuk melepaskan diri. Oleh sebab itu, semasa hendak menjerut pukat *Enginear* akan sentiasa bersedia di bahagian enjin bot untuk memastikan supaya tidak berlaku masalah pada bahagian enjin bot.

Apabila badan pukat telah dinaikkan di sebelah kiri bot, bahagian kerongcong pukat akan dipindahkan ke bahagian sisi kanan bot. Tujuan pukat dinaikkan di sisi kanan bot disebabkan proses penurunan pukat seterusnya berlaku di sebelah sisi kanan bot. Manakala ikan-ikan yang tidak sempat melepaskan diri akan terperangkap di dalam kerongcong pukat. Bahagian ini juga dikenali sebagai *telaga ikan*,¹⁰ dengan kedalaman dua meter. Sebelum pukat dinaikkan ke atas bot, terlebih dahulu *Taikong* akan membuat taksiran berdasarkan maklumat yang dipaparkan melalui skrin sonar. Seandainya ikan yang terdapat di dalam *telaga ikan* melebihi 5,000 kilogram, *Taikong* tidak akan mengarahkan Juru *winch* menaikkan ikan ke atas bot, kerana ditakuti pukat akan pecah.

Ikan yang terperangkap di dalam *telaga ikan* akan dibiarkan selama lebih kurang lima minit sementara menunggu *Nakkapprea* menurunkan *baur kecil* yang terletak di sebelah kanan bot. *Baur kecil* akan diturunkan secara melintang menganjur keluar arah laut. Dalam masa yang sama permukaan atas keroncong pukat akan diikat pada bahagian *baur kecil* supaya berbentuk segi tiga. Tujuan ia dibuat sedemikian, dapat memudahkan kerja-kerja untuk menaikkan ikan dari *telaga ikan*.

Sebelum kerja-kerja menaikkan ikan dari *telaga ikan* dijalankan, *Nakwang hear* lain akan membuat persediaan untuk memunggah air batu yang dinaikkan oleh *Jurucasbog* ke sudut kiri bot. Juru sauk akan menggunakan sauk¹¹ untuk menaikkan ikan dari *telaga ikan*. Sauk yang digunakan berbentuk bulat dengan ukuran setengah meter garisan pusat dan satu meter dalam. Jaring sauk diperbuat daripada pukat yang mata jaringnya bersaiz setengah inci dan pemegang sauk diperbuat daripada besi *steel* dengan ketebalan tiga setengah inci dan empat meter panjang. Di bahagian tengah permukaan sauk akan diikat dengan tali sauk.

Juru sauk yang ditugaskan oleh *Taikong* akan berdiri di atas *baur kecil*. Untuk mengawal kedudukan sauk supaya seimbang, Juru sauk akan berdiri di tengah-tengah sauk yang terletak secara melintang di atas *baur kecil* dan akan mengawal kedudukan batang sauk dengan menggunakan kekuatan kaki kanannya. Dalam masa yang sama Juru *winch* akan menurunkan tali sauk supaya sauk dapat dijatuhkan ke dalam *telaga ikan*. Setiap kali sauk diturunkan Juru sauk akan menaikkan lebih kurang 500 kilogram ikan dari


telaga ikan.

Sauk yang dinaikkan ini akan di hala ke arah lima orang *Nakwang hear* yang sedang menunggu di sisi kanan birai bot untuk menyambut sauk (Sila lihat Gambar 4.12). Selepas itu, Juru *winch* akan mengeluarkan tali sauk dari *winch*, dalam masa yang sama *Nakwang hear* akan melayangkan sauk supaya ia akan jatuh di kedudukan tepat pada sudut *hompral*. Selepas itu Juru *winch* akan menaikkan sauk semula dan *Nakwang hear* yang berdiri atas *baur kecil* ini akan menghalakan sauk ke arah *telaga ikan* supaya kerja-kerja menaikkan ikan boleh diteruskan semula.


Sebelum ikan dimasukkan ke dalam *hompral*, *Jurucasbog* akan turun ke dalam *hompral* yang berisi air batu dan sekali lagi akan menaikkan antara 20 hingga 25 bakul air batu ke atas dek dan ia disusun secara bertingkat-tingkat berhampiran dengan kedudukan *hompral* yang dikenal pasti untuk digunakan sebagai tempat mengisi ikan. (Sila lihat Gambar 4.13). Sebelum ikan dimasukkan ke dalam *hompral*, *Jurucasbog* akan membuat pemeriksaan di sekeliling petak ikan supaya ia berada dalam keadaan bersih. Dalam masa yang sama *Jurucasbog* akan menaburkan air batu beberapa lapisan di dalam *hompral* supaya dapat mengekalkan kesegaran ikan yang disimpan.

Kerja-kerja mengisi ikan ke dalam *hompral* dijalankan dengan cermat supaya dapat mengelakkan berlaku kerosakan pada bahagian ikan. Semasa berada di dalam *hompral*, *Jurucasbog* akan mengasingkan sotong dengan ikan, dengan mencampak sotong naik ke atas dek. Pada masa yang sama terdapat sesetengah awak-awak akan berebut untuk mendapatkan

**Gambar 4.12 : Juru Sauk Sedang Menaikkan Ikan Dari
Telaga Ikan**



Gambar 4.13 : Juru Casebox Menaikkan Air Batu Dari Hompral




sotong tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan sotong yang diambil ini tidak dikira dalam hasil tangkapan dan ia adalah salah satu sumber pendapatan sampingan kepada mereka. Dalam konteks ini *Jurucasbog* lebih beruntung disebabkan berpeluang untuk mendapat lebih banyak sotong, khususnya yang bersaiz lebih besar terus dari *hompral* tanpa berebut dengan awak-awak yang lain.

Sepanjang proses memasukkan ikan ke dalam *hompral*, *Taikong* akan memerhatikan *Jurucasbog* mengisi ikan dari atas *kechong* dan sentiasa mengingatkan kepada *Jurucasbog* supaya tidak mengisikan ikan terlalu padat di dalam setiap *hompral*. Sekiranya air batu di dalam *hompral* telah cair, *Jurucasbog* akan mengeluarkannya, dengan cara menyedut keluar air tersebut dengan menggunakan kuasa enjin bot (Sila lihat Gambar 4.14). Air batu yang cair di dalam *hompral* perlu dikeluarkan segera, supaya ia tidak berkocak semasa bot bergerak dan ia boleh mendatang kesan kepada kesegaran ikan.

Apabila semua ikan yang ditangkap selesai disimpan dalam *hompral*, *Jurucasbog* akan mengalaskan satu lapisan *span* yang berukuran satu meter persegi di atas permukaan *hompral* sebelum ditutup. Tujuannya untuk mengelakkan ikan di dalam *hompral* daripada terdedah kepada pancaran matahari, di samping itu ingin mengekalkan kesejukan suhu di dalam *hompral*. Dengan berbuat demikian, ikan-ikan yang ditangkap dapat dikekalkan kesegarannya.¹²

Apabila kerja-kerja menyimpan ikan selesai dijalankan, semua *Nakwang hear* yang terlibat sebentar tadi akan beredar ke belakang bot untuk

Gambar 4.14 : Juru Casebox Sedang Mengeluarkan Air Dalam Hompral




mendapatkan makanan dan berbual-bual sesama sendiri untuk menghilangkan keletihan. Biasanya dua orang *Nakwang hear* yang baru akan diarahkan oleh *Taikong* untuk membersihkan *dek* dengan menggunakan pancutan air yang disedut dari laut. Dek perlu dibersihkan segera bagi menghilangkan kotoran seperti lumpur, telur sotong dan ikan baja. Tindakan ini bagi mengelakkan dek daripada licin yang boleh mengganggu kerja-kerja memukat seterusnya.

Bagi mereka yang tidak terlibat dalam kerja pembersihan *dek* dibenarkan berehat dan membuat kerja masing-masing. Terdapat sebilangan awak-awak menggunakan masa lapang ini untuk membaca majalah hiburan Thai. Bagaimana pun kebanyakan mereka akan duduk berbual-bual di sepanjang birai bot sambil menghisap rokok. Manakala bagi awak-awak yang berjaya merebut sotong sebentar tadi, akan menggunakan masa yang terluang ini untuk menyiang dan menjemur sotong tersebut di belakang bot atau berdekatan dengan ekzos bot untuk dijadikan sotong kering. (Sila lihat Gambar 4.15). Sotong-sotong kering ini akan diberikan kepada keluarga mereka dan selebihnya akan dijual kepada peniaga-peniaga di Thailand.

Sementara menunggu *Nakkapprea* menggerakkan bot ke unjam lain, sesetengah daripada mereka akan berehat dan tidur ayam untuk beberapa minit. Apabila bot sampai ke unjam baru, *Taikong* akan membunyikan hon beberapa kali sebagai isyarat kepada awak-awak supaya bersedia. Apabila mendengar isyarat tersebut, mereka akan meninggalkan semua aktiviti-aktiviti yang dilakukan seperti makan, membaca majalah, berbaring dan yang tertidur akan terus bangun dan berkumpul di *dek* untuk meneruskan kerja-kerja menurunkan pukat.

Gambar 4.15 : Buruh Perikanan Thai Sedang Membersihkan Sotong Untuk Dijemur



Biasanya pukat akan diturunkan sebanyak tiga kali setiap malam. Kekerapan pukat yang diturunkan juga bergantung kepada hasil tangkapan pada hari tersebut. Sekiranya banyak ikan yang berjaya ditangkap, *Taikong* hanya akan mengarahkan *Nakwang hear* menurunkan pukat tiga kali sahaja. Kerja-kerja memukat akan berakhir di antara pukul enam hingga tujuh pagi. Aktiviti memukat tidak sesuai dijalankan pada waktu siang, kerana sukar untuk menarik perhatian ikan supaya bermain di sekitar unjam.

Setelah kerja-kerja memukat terakhir selesai dijalankan, semua awak-awak di atas bot akan mandi dan menyalin pakaian yang bersih dan akan berehat secukupnya kerana terlalu letih. Sementara menunggu bot sampai ke jeti, mereka akan berbual sesama sendiri dan terdapat juga yang bernyanyi. Mereka yang sebelum ini menjalankan aktiviti memancing, pada masa ini sibuk mengeluarkan hasil pancing dan meletakkannya di dalam *hompral* yang berasingan supaya mudah dikeluarkan setelah bot sampai ke jeti.

Sepanjang perjalanan ke jeti, daripada pemerhatian didapati ramai daripada awak-awak akan tidur. Dalam masa tiga jam sekali, *Nakkapprea* akan bergilir-gilir mengemudi bot. *Nakkapprea* tidak dibenarkan tidur kerana takut berlaku sebarang masalah yang tidak diingini semasa dalam perjalanan. Sementara itu, *Taikong* hanya akan tidur ayam sahaja dan akan berjaga apabila bot menghampiri kawasan pulau.¹³ Ini kerana kemalangan mudah berlaku di kawasan tersebut disebabkan terdapat banyak bot penumpang, bot lesen A dan B beroperasi di kawasan ini.

Pada bulan Julai hingga Oktober ikan yang berjaya didaratkan

oleh bot pukat jerut adalah jenis ikan runcit.¹⁴ Apabila hasil tangkapan yang diperoleh sudah penuh di dalam petak ikan, *Taikong* akan membuat persiapan untuk masuk ke jeti untuk mendaratkan ikan. Sebelum *Taikong* mengambil keputusan untuk masuk ke Tok Bali, *Taikong* akan menghubungi majikan di daratan untuk mengetahui perkembangan semasa yang berlaku di daratan.

Apabila bot telah menghampiri dengan Pulau Perhentian, *Taikong* akan menghubungi majikan dengan menggunakan alat perhubungan yang dipasang di atas bot atau menggunakan telefon bimbit. Tujuan *Taikong* menghubungi majikan adalah untuk memberitahu keadaan mereka semasa di tengah laut. Di samping itu memberitahu hasil tangkapan yang diperoleh sepanjang berada di laut, seterusnya memberitahu keadaan unjam mereka di laut. Sekiranya perlu menambahkan bilangan unjam, *Taikong* akan memberitahu kepada majikan supaya menyediakan bahan-bahan untuk membuat unjam.

Selain daripada itu, perkara yang paling penting *Taikong* menghubungi majikan adalah untuk mengetahui tentang perkembangan yang berlaku di Tok Bali seperti bilangan bot yang telah mendarat ikan, jenis dan gred ikan yang banyak didaratkan (sama ada ikan baja atau ikan runcit) dan yang paling mustahak sekali ialah tentang kedudukan harga ikan di pasaran Tok Bali.

Taikong ingin mengetahui maklumat tersebut disebabkan bilangan bot yang telah mendarat di jeti Tok Bali akan mempengaruhi harga ikan di pasaran. Semakin banyak bot mendaratkan ikan di jeti Tok Bali, maka

aktiviti tawar menawar di antara peraih ikan dengan pengurus ikan akan berlaku dengan hebat sekali. Sekiranya penawaran ikan ketika itu melebihi daripada permintaan, maka pengurus ikan dan *Taikong* tidak boleh mengawal harga ikan di pasaran. Oleh sebab itu, untuk mengelakkan daripada ledakan ikan di pasaran di Tok Bali *Taikong* memikirkan cara-cara untuk mengatasinya.

Sebelum *Taikong* membuat keputusan untuk mendaratkan hasil tangkapan di Tok Bali, *Taikong* akan menghubungi majikan di Thailand bertujuan untuk mengetahui tentang pasaran ikan semasa di sana. *Taikong* akan menggunakan maklumat yang diperoleh ini untuk membuat keputusan sama ada hendak mendaratkan ikan di jeti Tok Bali atau terus masuk ke Thailand. Sekiranya harga ikan di pasaran Tok Bali lebih rendah berbanding harga yang sanggup ditawarkan oleh peraih ikan di Thailand, maka *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* untuk terus ke Thailand. Pada masa yang sama *Taikong* akan mengarahkan *Jurucasbog* supaya menambahkan air batu ke dalam *hompral* dan air batu yang telah cair akan disedut keluar supaya ikan yang terdapat di petak ikan tidak rosak kerana perjalanan ke Thailand mengambil masa lebih kurang 12 jam dengan kelajuan bot tiga hingga empat knot sejam.

Dalam hal di mana hasil tangkapan yang banyak terdiri daripada ikan baja, maka *Taikong* akan mendaratkan ikan di Thailand. (Sila lihat Gambar 4.16). Ini kerana harga ikan baja di Thailand adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan harga di Tok Bali. Sebelum bertolak ke Thailand, *Taikong* akan memaklumkan terlebih dahulu kepada majikan. Dalam situasi ini, majikan akan menyokong sepenuhnya keputusan yang diambil oleh *Taikong* kerana

Gambar 4.16 : Buruh Perikanan Thai Sedang Mendaratkan Ikan Baja Di Thailand



majikan berkeyakinan *Taikong* mempunyai pandangan yang lebih baik dan boleh membantu kedua-dua pihak mendapatkan keuntungan. Tetapi sebaliknya jika harga ikan di pasaran Tok Bali tinggi, *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* terus mendaratkan ikan di sana.

Walaupun Tok Bali mempunyai kuala yang dalam dan boleh digunakan sepanjang masa, tetapi kebanyakan bot di Tok Bali hanya akan mendaratkan ikan pada masa tertentu sahaja. Daripada perhatian didapati hampir keseluruhan bot di sini akan mendaratkan ikan pada waktu malam. Perkara ini berlaku disebabkan masa yang diperlukan untuk perjalanan dari kawasan operasi menangkap ikan ke jeti Tok Bali lebih kurang 10 jam.

Selain daripada itu, pada bulan Julai hingga Oktober, masa yang diambil untuk sampai ke jeti Tok Bali adalah antara sepuluh hingga 12 jam. Keadaan ini berlaku disebabkan kesemua *hompral* yang terdapat di atas bot pukat Jerut C atau C2 akan dipenuhi dengan ikan runcit. Di mana setiap buah bot jerut C2 mempunyai antara lapan hingga 12 buah *hompral* dan secara puratanya setiap daripadanya boleh dimuatkan sehingga lima tan metrik ikan. Tambahan pula semasa membawa muatan setiap bot hanya mampu bergerak tiga hingga empat knot dalam sejam. Oleh sebab itu sudah tentulah bot akan sampai ke jeti antara pukul lima hingga lapan malam.

4.4 AKTIVITI YANG DIJALANKAN SELEPAS BALIK KE TOK BALI

Apabila bot menghampiri jeti, Juru sauh akan mengeluarkan tali pengikat bot dan *Nakkapprea* akan perlahan-lahan mengerakkan bot menghampiri jeti. Juru sauh akan mengikat tali pengikat bot di tiang yang

terdapat di jeti atau pada bot yang mendarat sebelumnya. Setelah bot mendarat di jeti, terdapat pelbagai aktiviti yang akan dijalankan oleh *Taikong*, *Phuchui Taikong*, *Nakkapprea*, *Enginear*, *Phoa krur*, *Nakwanghear* dan *Juru winch*.

Semasa di jeti, semua awak-awak dibenarkan membuat kerja masing-masing, misalnya ada yang akan berehat, membeli makanan atau berjalan-jalan di sekitar jeti. Semasa bot sampai ke jeti, *Taikong* tidak akan mengarahkan awak-awak terus mendaratkan ikan, sebaliknya kerja-kerja mendaratkan ikan dilakukan pada waktu malam kerana pada masa itu terdapat ramai peraih ikan dan pengguna akan datang ke jeti Tok Bali untuk membeli ikan. Kebiasaan peraih ikan yang menjadi pelanggan tetap akan terus berjumpa dengan pengurus ikan dan memberitahu kuantiti ikan yang diperlukan.

Semasa di jeti Tok Bali pelbagai aktiviti dilakukan oleh buruh perikanan Thai, misalnya menyenaraikan barang-barang keperluan dapur yang hendak dibeli, menurunkan ikan, memeriksa bot, menjaga tali mesin, mengisi minyak diesel, mengisi air bersih, menggredkan ikan, keluar makan di kedai sekitar jeti, menimbang ikan dan membersihkan *dek* di atas bot.


Bagi awak-awak yang tidak terlibat dalam persiapan di atas, mereka akan bersama-sama mendaratkan ikan. Sepanjang masa mendaratkan ikan, antara lima hingga enam orang akan ditugaskan berada di bahagian *hompral*. Salah seorang daripada mereka akan ditugaskan untuk menggauk ikan dari *hompral*. Setiap kali menurunkan sauk lebih kurang 50

kilogram ikan akan dinaikkan ke atas *dek*. Bagi memudahkan aktiviti menggauk dilakukan, ia dibantu oleh seorang Juru *winch* yang berperanan untuk mengawal tali sauk supaya boleh dinaikkan dan dijatuhkan ke *hompral* dengan mudah. Semasa sauk hendak dinaikkan Juru *winch* akan meletakkan tali sauk di atas *winch* dengan membuat dua lilitan pada roda *winch* dan sauk akan naik seiringan semasa *winch* berputar. Masa yang digunakan untuk menaikkan satu sauk adalah selama seminit. (Sila lihat Gambar 4.17)

Selepas ikan dinaikkan ke atas *dek*, ia akan dimasukkan ke dalam bakul sehingga penuh dan diletakkan di atas *besi gelungsur*¹⁵ dan dibiarkan bakul yang berisi dengan ikan ini bergerak ke bawah. Terdapat dua orang awak-awak akan ditugaskan untuk menjaga di bahagian *besi gelungsur*. Semasa bakul ikan diletak di atas *besi gelungsur*, ikan dalam bakul ini akan dibersihkan terlebih dahulu dengan menggunakan pancutan air yang disedut dari laut. Tujuan ikan dibersihkan supaya memudahkan kerja-kerja menggredkan ikan dijalankan.

Terdapat seramai 14 orang *Nakwang hear* di tugaskan di jeti, mereka akan membawa bakul yang berisi ikan ke meja penggredan ikan. Biasanya, sebuah bot akan menggunakan dua buah meja penggredan ikan. Setiap meja akan dikendalikan oleh tujuh orang awak-awak dan enam orang daripada mereka akan bertugas sebagai penggredan ikan, tiga orang akan berdiri di sebelah kanan meja dan tiga lagi di sebelah kiri meja. Setelah proses penggredan ikan selesai dijalankan, ikan ini akan dimasukkan ke dalam tong kayu.

Gambar 4.17 : Buruh Perikanan Thai Sedang Menaikkan Ikan Dari Hompral




Sebelum ikan dimasukkan ke dalam tong ikan, seorang awak-awak akan ditugaskan untuk memasukkan air batu ke dalam tong ikan sebelum kerja-kerja penimbangan dijalankan. Awak yang sama juga akan memerhatikan angka timbangan dan menyampaikan kepada pengurus ikan untuk direkodkan. Masa yang diambil untuk memindahkan ikan dari petak ikan sehingga ikan dimasukkan ke dalam tong adalah lebih kurang satu jam untuk satu petak ikan.

Manakala awak-awak yang bertugas sebagai *Enginear* tidak akan menurunkan ikan sebaliknya menjalankan kerja-kerja pemeriksaan enjin bot. *Enginear* akan membuat pemeriksaan secara menyeluruh pada setiap bahagian enjin bot, iaitu termasuk bot ibu, bot unjam dan bot enjin sangkut. Pertama sekali *Enginear* akan membuat pemeriksaan pada bahagian tali kipas enjin bot dan sekiranya mempunyai tanda-tanda hendak putus, ia akan terus digantikan dengan yang baru.

Selepas selesai membuat pemeriksaan pada tali kipas, *Enginear* akan melihat kandungan minyak pelincir supaya sentiasa berada di tahap yang mencukupi. Sekiranya bahagian penanda minyak pelincir menunjukkan tanda-tanda kekurangan, *Enginear* akan terus membuat penambahan, kekurangan minyak pelincir boleh menyebabkan enjin bot menjadi panas dan menyebabkan kerosakan pada bahagian enjin yang lain. Kebiasaannya *Enginear* akan menggantikan minyak pelincir yang baru setiap dua trip bot keluar ke laut. (Sila lihat Gambar 4.18) Perkara yang sama juga dilakukan pada enjin bot sangkut, di mana setiap empat trip sekali minyak pelincir akan digantikan dengan yang baru. Seandainya terdapat kerosakan teruk pada

Gambar 4.18 : *Engineer Sedang Menggantikan Minyak Pelincir Di Bot Ibu*



enjin sangkut *Enginear* akan memaklumkan kepada *Taikong*, dan bahagian enjin bot yang rosak ini akan dihantar ke kedai mekanik berdekatan untuk dibaiki.

Sebaik sahaja bot mendarat di jeti, *Taikong* akan berjumpa dengan majikan dan memberitahu anggaran hasil tangkapan yang diperoleh. *Taikong* juga akan mengambil kesempatan ini memberitahu kepada majikan keadaan unjam ibu di tengah laut. Sekiranya terdapat unjam yang terputus atau unjam yang perlu ditambah, *Taikong* akan meminta majikan bot supaya menyediakan bahan-bahan tersebut supaya kerja-kerja menghasilkan unjam baru boleh diteruskan pada keesokan harinya.

Kebiasaananya setelah *Taikong* berjumpa dengan majikan, mereka bersama-sama ke bandar yang berdekatan seperti Kota Bharu untuk berehat. Sebelum *Taikong* meninggalkan jeti, kerja-kerja di atas bot akan diserahkan kepada *Phuchui Taikong* untuk mengendalikannya. Semua urus niaga ikan diserahkan sepenuhnya kepada pengurus ikan. Tujuan *Taikong* bertindak sedemikian adalah untuk menjauhkan diri daripada peraih-peraih ikan yang sering menawarkan harga sehingga ke tahap yang tidak munasabah.

Setiap kali bot mendaratkan ikan di jeti, majikan akan membawa *Taikong* ke bandar Kota Bharu untuk berehat sambil makan di hotel-hotel terkemuka seperti di Hotel Perdana, Hotel Diamond Puteri dan restoran-restoran yang terkemuka di bandar tersebut. Semua kos ditanggung sepenuhnya oleh majikan tempatan. Sekiranya bot mendarat di Thailand, majikan tempatan akan pergi ke Thailand melalui jalan darat dan membawa

Taikong ke pusat-pusat hiburan mewah seperti disko, pub, rumah urut, pusat perjudian dan pusat pelacuran. Kebiasaannya majikan akan menyewa sebuah bilik khas yang dilengkapi dengan alat karaoke dan menempah beberapa orang pelayan untuk melayani *Taikong*. Pada masa ini, *Taikong* akan dilayan begitu istimewa seolah-olah seperti seorang raja. Tujuan majikan memberi layanan yang sedemikian kepada *Taikong* kerana bimbang *Taikong* akan berpindah ke bot lain dan sudah tentu akan mendatangkan masalah yang besar kepada majikan tempatan untuk mendapatkan *Taikong* baru.

Bagi awak-awak yang ditugaskan untuk mengisi air, mereka akan berjumpa dengan penjaga jeti untuk mendapat kebenaran mengisi air.¹⁶ Salah seorang daripada mereka akan mengambil saluran getah yang terletak di stor dan dibawakan ke atas bot. Kesemua tong air yang terdapat di atas bot akan diisi dengan air sehingga penuh, dan akhir sekali mengisikan air ke dalam *hompral* yang dikhaskan untuk air mandi. Kebiasaannya air akan mula diisi selepas selesai sahaja semua kerja-kerja mendaratkan ikan.

Manakala bagi *Phoa krur* pula, ia akan membantu awak-awak lain mendaratkan ikan. Semasa bot berada di jeti, *Phoa krur* tidak akan memasak, ini kerana semua awak-awak tidak akan makan di atas bot sebaliknya mereka akan terus ke kedai makan yang terdapat di kawasan jeti. Kesemua kos untuk makan dibayar terlebih dahulu oleh majikan tempatan. Semasa di jeti, *Phoa krur* hanya akan menjalankan kerja-kerja seperti menyenaraikan barang-barang keperluan dapur yang diperlukan dan menyerahkan senarai barang ini kepada *Taikong*. Namun begitu, terdapat juga sesetengah *Phoa krur* terpaksa pergi sendiri ke kedai berdekatan untuk mendapatkan bekalan barang dapur

yang diperlukan secara kredit dan semua barang ini akan direkodkan ke dalam akaun majikan tempatan.


4.5 AKTIVITI BURUH PERIKANAN THAI DALAM BOT PUKAT TUNDA

Selain daripada menjelaskan tentang penglibatan buruh perikanan Thai di atas bot pukat jerut di Tok Bali, pengkaji juga akan melihat aktiviti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai di atas bot pukat tunda. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di bahagian ini adalah aktiviti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai sebelum keluar ke laut dan aktiviti yang sering dilakukan semasa bot berada di tengah laut. Selain daripada itu, akan juga dilihat aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa bot masuk semula ke jeti untuk mendaratkan ikan.

4.6 ORGANISASI BURUH PERIKANAN THAI DI ATAS BOT PUKAT TUNDA

Buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat tunda juga mengamalkan konsep pengkhususan dalam perjawatan. Berdasarkan kepada carta organisasi buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot *carter* pukat tunda kumpulan C2 terdapat seramai 12 orang. (Sila lihat Rajah 4.2). Semua mereka mempunyai tugas tertentu. *Taikong* merupakan ketua di atas bot dan ia perlu memikul tanggungjawab yang besar dalam menentukan kejayaan setiap trip ke laut. Keuntungan dan kerugian setiap trip ke laut sangat bergantung kepada kecekapan dan kepandaian seseorang *Taikong* dalam hal operasi menangkap ikan.

Rajah 4.2 : Carta Organisasi Buruh Perikanan Thai Di Atas Bot Tunda



Taikong mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menentukan kelancaran setiap trip ke laut. Ini kerana semua aktiviti yang dilakukan oleh awak-awak di darat atau di tengah laut di bawah jagaan *Taikong*. Selain daripada itu, majikan tempatan juga telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada *Taikong* untuk menguruskan segala hal yang berkaitan dengan pengambilan buruh dan penjagaan semua peralatan di atas bot. Dalam sebuah bot pukat tunda, *Taikong* dibantu oleh *Phuchui Taikong* (seorang), *Juru winch* (dua orang), *Enginear* (seorang), *Phoa krur* (seorang), *Juru sauh* (seorang) dan *Nakwang hear* (tiga orang), *Jurucasbog* (Seorang) dan *Nakkapprea* (seorang).

4.7 PERSIAPAN SEBELUM KELUAR KE LAUT

Sebelum bot keluar ke laut, *Taikong* akan memastikan bahawa semua keperluan yang diperlukan sepanjang berada di laut disediakan secukupnya. Biasanya dalam setrip bot tunda akan berada di laut antara seminggu hingga sepuluh hari bergantung pada hasil tangkapan yang diperoleh. Keperluan asas yang biasa dibawa setiap kali ke laut adalah seperti minyak diesel, air batu, bekalan air bersih dan keperluan dapur. Bahannya seperti di atas amat penting sepanjang bot berada di tengah laut kerana kehabisan salah satu daripada keperluan tersebut akan menjelaskan kerja-kerja penangkapan ikan yang hendak dijalankan.

4.7.1 MENGISI MINYAK DIESEL

Sebelum keluar ke laut *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* mengisi minyak diesel bot seperti yang dilakukan oleh bot pukat jerut sebelum ini. Dianggarkan dalam tempoh empat bulan, majikan bot pukat tunda perlu

menjelaskan bayaran ke atas penggunaan minyak diesel sebanyak RM75,600.00, yang akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab Lima nanti. Dalam setiap trip ke laut, biasanya bot tunda kumpulan C akan mengisi minyak diesel kira-kira 5,000 liter hingga 6,000 liter dan bot tunda daripada kumpulan C2 akan mengisi kira-kira 7,000 liter hingga 8,000 liter sebelum keluar ke laut.

Sebelum bot keluar ke laut, setiap tangki minyak akan diisi sehingga penuh. Selain daripada itu, kesemua tong minyak yang terletak di bahagian buritan bot dan bahagian depan bot akan diisi dengan minyak diesel. Kebiasaanannya sebuah bot pukat tunda akan menggunakan tong minyak tambahan, iaitu antara lima hingga sepuluh tong, bagi mengelakkan bot kehabisan minyak semasa di tengah laut. Setiap tong boleh diisi dengan 200 liter minyak diesel.

Kadar penggunaan minyak bagi bot pukat tunda adalah tinggi kerana bot pukat tunda akan terus bergerak semasa meninggalkan jeti sehingga ke kawasan yang dikenal pasti mempunyai ikan yang banyak. Setiap kali pukat diturunkan, kerja-kerja menunda ini akan berterusan selama empat hingga lima jam tanpa berhenti. Secara puratanya pada siang hari bot pukat tunda hanya akan menurunkan pukat sebanyak tiga kali sehari.

Bot pukat tunda perlu menunda pukat dalam jangka masa yang lama, kerana tidak menangkap ikan di kawasan unjam. Hasil tangkapan pukat tunda, masa kini sangat bergantung kepada echo-sounder untuk mengesan taburan ikan. Oleh sebab itu bot pukat tunda hanya akan berhenti menunda

setelah hari malam. Bagaimanapun bot pukat tunda udang beroperasi hingga ke malam, kerana pada malam hari udang bergerak aktif di dasar laut.¹⁷

4.7.2 MENGISI AIR BATU KE DALAM *HOMPRAL*

Setelah kerja-kerja mengisi minyak diesel siap dijalankan, *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* menggerakkan bot ke kilang air batu yang berdekatan untuk mengisi air batu seperti yang dilakukan oleh bot pukat jerut sebelum ini. Dalam setrip ke laut, setiap bot pukat tunda kategori C perlu menggunakan lebih kurang 200 blok air batu, manakala bagi bot pukat tunda kategori C2 akan menggunakan lebih kurang 300 blok air batu. Setiap blok air batu beratnya 50 kilogram. Biasanya pada bulan September hingga penghujung Oktober bot pukat tunda banyak menggunakan air batu, kerana pada bulan ini hasil tangkapan adalah sedikit dan tempoh bot berada di tengah laut adalah lebih lama, iaitu melebihi sepuluh hari. Hasil kajian mendapati dalam tempoh empat bulan, majikan bot pukat tunda akan memperuntukkan sebanyak RM32,400.00. Semua bot pukat tunda yang beroperasi di sini menggunakan air batu yang telah dikisar, bagi memudahkan kerja-kerja pemindahan air batu ke *hompral*. Setiap bot pukat tunda mempunyai antara enam hingga lapan *hompral*, di mana lima hingga enam *hompral* akan digunakan untuk mengisi air batu.

4.7.3 MEMBUBU PUKAT (MENJAHIT PUKAT)

Sebelum bot keluar ke laut, biasanya pukat yang koyak akan *dibubu* terlebih dahulu. Hasil kajian mendapati sebilangan bot hanya menggunakan sebidang pukat sahaja. Oleh sebab itu, sebelum menangkap ikan di laut, mereka terpaksa *membubu* terlebih dahulu supaya hasil tangkapan

tidak terlepas dari pukat. Namun begitu, terdapat juga sesetengah bot pukat tunda di Tok Bali mempunyai dua bidang pukat dan kerja-kerja *membubu* pukat hanya dijalankan semasa musim tengkujuh atau semasa tidak ke laut.

Semasa musim tengkujuh, buruh perikanan Thai menggunakan masa lapang untuk *membubu* pukat. Sebelum kerja-kerja *membubu* pukat dijalankan, *Taikong* akan mengarahkan semua *Nakwang hear* menurunkan pukat dari bot. Pukat hanya akan diturunkan apabila terdapat bahagian badan pukat koyak teruk. Namun begitu sekiranya terdapat koyak yang kecil sahaja, kerja-kerja *membubu* pukat dijalankan di atas bot sahaja. Kerja-kerja *membubu* pukat dijalankan secara beramai-ramai. Pukat akan direntangkan supaya bahagian pukat yang koyak dapat dikenal pasti dengan mudah. *Nakwang hear* akan memeriksa keseluruhan bahagian pukat. Bahagian pukat yang koyak teruk akan ditandakan dengan plastik yang tidak terpakai atau tali rafia. Setelah itu *Nakwang hear* duduk secara berselerak dan mula *membubu* berpandukan kepada penanda tersebut. Cara *membubu* sama seperti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai di bot pukat jerut.

Biasanya pukat terkoyak apabila tersangkut bahan-bahan buangan yang keras di dasar laut seperti tiang konkrit, sisa-sisa karang, batu karang atau batang kayu yang terbenam di dasar laut. Biasanya sebidang pukat yang baru hanya boleh digunakan hampir setahun sahaja. Kerja-kerja *membubu* pukat akan dibayar oleh majikan.

4.7.4 MEMBAIKI KEROSAKAN DI DALAM BOT

Kerosakan pada bahagian enjin bot pukat tunda sering berlaku

berbanding dengan enjin bot pukat jerut, kerana enjin bot pukat tunda sentiasa dihidupkan, terutamanya semasa kerja-kerja penundaan dijalankan dan juga disebabkan terpaksa menarik pukat yang berat di dasar laut. Oleh sebab itu sebelum bot pukat tunda keluar ke laut, *Engineer* akan membuat pemeriksaan pada keseluruhan bahagian enjin supaya ia tidak rosak di tengah laut. Untuk menjamin ia selamat digunakan, setiap kali bot mendarat di jeti, bahagian enjin bot akan diservis dan minyak pelincir akan digantikan dengan yang baru setiap dua trip. Selain itu peralatan yang lain seperti mentol *sportlight* turut digantikan dengan yang baru apabila tidak berfungsi. Kerja memastikan enjin bot dan peralatan lain sentiasa berada dalam keadaan baik adalah tanggungjawab *Engineer*.

4.7.5 MEMBELI KEPERLUAN DAPUR

Sebelum bot keluar ke laut, terlebih dahulu *Phoa krur* akan memastikan segala keperluan dapur yang hendak digunakan mencukupi, sama seperti yang dilakukan oleh *Phoa krur* pukat jerut. Barang makanan yang dibeli hampir sama di antara pukat tunda dan pukat jerut.

4.8 AKTIVITI DIJALANKAN SEMASA BOT MENINGGALKAN JETI


Sebelum bertolak ke laut, bagi mereka yang beragama Buddha akan menjalankan upacara penyembahan *mak'anam*. Biasanya *Taikong* di bot pukat tunda akan menjalankan upacara pemujaan setiap hari tetapi cara pemujaan di atas bot pukat tunda adalah lebih ringkas berbanding dengan *Taikong* di atas bot pukat jerut. *Mak'anam* yang dipuja di atas bot pukat tunda adalah dalam bentuk gambar dan bukannya dalam bentuk patung. Keadaan ini berlaku disebabkan bot pukat tunda tidak mempunyai *kechong*. Selain

daripada itu, bagi sesetengah awak-awak akan memakai patung azimat yang diambil daripada sami di wat Thailand digunakan sebagai pelindung dan sesetengah daripada mereka akan mencacah ayat suci Sanskrit dan gambar pagoda, helang, naga di bahagian dada, lengan dan belakang badan. Mengikut persepsi mereka bahawa ia sebagai unsur-unsur keberanian dan pelindung diri untuk mengelakkan daripada gangguan unsur-unsur jahat. Namun begitu konsep pemujaan yang dijalankan dalam kedua bot ini adalah sama iaitu memohon ditambahkan rezeki dan dijauhi daripada malapetaka. (Sila lihat Gambar 4.19).

Sebelum meninggalkan jeti, semua awak-awak dibenarkan berehat secukupnya, makan dan membuat kerja masing-masing. Dalam masa setengah jam sebelum bot meninggalkan jeti, biasanya *Taikong* akan mengarahkan *Engineer* supaya menghidupkan enjin bot dan beberapa *sportlight*. Ini sebagai isyarat kepada semua awak-awak supaya bersedia dan bot akan keluar ke laut tidak lama lagi. Bagi awak-awak yang sedang makan akan cepat menghabiskan makanan dan naik semula ke atas bot.

Setengah jam kemudian, *Taikong* akan membunyikan hon dua kali berturut-turut sebagai isyarat terakhir bahawa bot akan meninggalkan jeti. Sebaik sahaja semua awak-awak telah naik ke atas bot, *Taikong* akan mengarahkan salah seorang daripada *Nakwang hear* supaya membuka tali ikatan bot di jeti dan seterusnya *Nakkapprea* akan mengemudikan bot menuju ke lokasi memukat.

Gambar 4.19 : Tempat Pemujaan Dewa Laut Di Atas Bot Pukat Tunda



4.8.1 AKTIVITI DIJALANKAN SEMASA DI ATAS BOT

Kebanyakan bot pukat tunda yang beroperasi di Tok Bali akan keluar ke laut pada waktu malam kerana perjalanan untuk sampai ke kawasan memukat mengambil masa lebih kurang enam hingga tujuh jam. Dengan berbuat demikian, mereka sebaik sahaja sampai ke lokasi, boleh terus melakukan kerja-kerja memukat. Awak-awak mengambil kesempatan berehat secukupnya semasa perjalanan ke lokasi memukat.

Semasa meninggalkan jeti, sebelum masuk ke tempat tidur mereka akan berbual-bual sesama sendiri sambil menghisap rokok di bahagian dek. Sementara menunggu bot sampai ke lokasi memukat, biasanya awak-awak akan menyanyi, makan, membaca majalah dan terdapat sesetengah awak-awak yang terus masuk ke tempat tidur. *Nakkapprea* dan *Taikong* berjaga sehingga sampai ke lokasi memukat.

Dengan menggunakan bantuan *echo-sounder*, *Taikong* dapat mengesan taburan ikan yang terdapat di dasar laut. Setelah berjaya mengesan kumpulan ikan yang banyak, *Taikong* akan membunyikan hon dua kali berturut-turut sebagai isyarat kepada semua awak-awak bahawa aktiviti menurunkan pukat akan dijalankan sepuluh minit kemudian. Setelah mendapat arahan daripada *Taikong* untuk menurunkan pukat, dua orang *Nakwang hear* akan menurunkan keroncong pukat terlebih dahulu. Setelah keroncong pukat dijatuhkan ke laut, *Nakkapprea* akan melajukan pergerakan bot dengan kelajuan enam hingga tujuh knot sejam. Apabila keroncong pukat hampir tenggelam, *Nakwang hear* yang sama akan terus menurunkan bahagian badan pukat dan diikuti dengan tali sayap. Apabila mendapat arahan

seterusnya daripada *Taikong*, dua orang *Nakwang hear* yang sedang menunggu di sebelah sisi kiri dan kanan bot akan menjatuhkan papan kepak dari akhir sekali menurunkan tali tunda. Setelah semua selesai diurunkan, bot akan menunda pukat tersebut selama empat hingga lima jam dengan kelajuan bot dua hingga tiga knot.

Semasa pukat di tunda awak-awak dibenarkan membuat kerja masing-masing. Biasanya masa tersebut akan digunakan untuk berbual-bual sesama sendiri, sementara menunggu *Phoa krur* menyiapkan hidangan untuk sarapan pagi. Setelah semua siap bersarapan, mereka akan menghabiskan masa dengan berbual-bual, sejam kemudian masing-masing akan masuk tidur sehinggalah kerja-kerja menaikkan pukat dijalankan.

Empat hingga lima jam kemudian, *Taikong* sekali lagi akan membunyikan hon dua kali berturut-turut supaya semua bersedia untuk menaikkan pukat. Dua orang *Nakwang hear* akan bersiap sedia dan menunggu di sebelah *winch* di kiri dan kanan bot. Proses menaikkan pukat, dimulakan dengan menaikkan tali pukat dengan menggunakan bantuan *winch*. Selepas lima minit kemudian papan kepak pula akan dinaikkan dan disangkutkan semula di tempat asal. Pada masa yang sama *Nakkappre* akan menggerakkan bot 45 darjah ke arah kanan untuk membolehkan bahagian badan pukat menghampiri ke sebelah kanan bot.

Semasa hendak menaikkan bahagian badan pukat dan keroncong pukat, tali kajar pada bahagian tiang punggah digunakan. Salah seorang daripada *Nakwang hear* dengan menggunakan tali kajar akan

membuat simpulan di bahagian badan pukat dan seterusnya badan pukat akan dinaikkan dari laut dengan menggunakan bantuan *winch*. Setiap dua meter badan pukat dinaikkan, tali kajar yang diikat pada badan pukat akan dibuka dan kerja-kerja seperti ini akan berterusan sehingga keroncong pukat dinaikkan kesemuanya ke atas *dek*. Apabila badan pukat dinaikkan, salah seorang daripada *Nakwang hear* akan menggunakan pancutan dari air laut untuk membuang sisa-sisa kotoran yang terlekat pada jaring pukat. Di samping itu, dua hingga tiga orang *Nakwang hear* yang lain akan mengeluarkan dan mengutip ikan-ikan baja yang terlekat pada jaring pukat dan dimasukkan ke dalam plastik hitam sebelum di simpan dalam *hompral*.

Sementara menunggu keroncong pukat dinaikkan, *Jurucasbog* akan turun ke dalam petak ikan untuk menaikkan antara 15 hingga 20 bakul air batu dan dilonggokkan di sebelah birai kiri bot. Apabila keroncong pukat dinaikkan dan mencecah setengah meter dari *dek*, salah seorang daripada *Nakwang hear* akan membuka ikatan tali pada keroncong pukat dan semua ikan, sotong dan udang yang terperangkap di dalam keroncong akan bertaburan di atas *dek*. Semua hasil tangkapan yang terperangkap di dalam keroncong tidak akan terus dimasukkan ke dalam *hompral* kerana kerja-kerja penggredan ikan akan terus dilakukan di atas bot.


Apabila semua tangkapan dikeluarkan *Nakwang hear* yang sama akan mengikat semula tali pada keroncong pukat, kerja-kerja menurunkan pukat diteruskan semula. Setelah kerja menurunkan pukat selesai, semua *Nakwang hear* berkumpul semula di *dek* untuk menjalankan kerja-kerja penggredan ikan. Semasa penggredan dijalankan, hidupan laut yang tidak

diperlukan seperti tumbuhan laut, ular laut, ikan buntal dan ikan yu akan dibuang semula ke laut. Selepas itu, ikan, sotong dan udang yang ditangkap akan dilonggokkan dan dikelaskan mengikut jenis dan saiznya. (Sila lihat Gambar 4.20). Selepas itu semua hasil tangkapan ini akan dimasukkan semula ke dalam tong plastik yang dikenali sebagai *kabat* sebelum disimpan dalam *hompral*.

Sebelum ikan, sotong dan udang dimasukkan ke *kabat*, terlebih dahulu *Nakwang hear* akan menaburkan sedikit air batu di atas permukaan *kabat*. Pada masa yang sama hasil tangkapan ini akan disusun dengan kemas mengikut saiz dan arah yang sama. Tujuan ia disusun sedemikian rupa, supaya hasil tangkapan sentiasa kekal kesegarannya walaupun berada di dalam *kabat* melebihi seminggu. Untuk menjamin sotong berada dalam keadaan segar ia tidak dimuatkan terlampau padat dan biasanya setiap *kabat* hanya akan dimasukkan antara 25 hingga 26 kilogram sotong. Kemudian pada lapisan atas permukaan *kabat* akan ditutupkan dengan satu lapisan plastik nipis supaya sotong tidak akan bertaburan semasa bot bergerak.

Setelah semua *kabat* diisi dengan ikan, sotong dan udang, maka *kabat* tersebut akan disusunkan ke dalam *hompral* secara bertingkat-tingkat. Sebelum *kabat* dimasukkan, seorang *Jurucasbog* akan turun ke dalam dan menaburkan beberapa lapisan air batu ke dalam *hompral* supaya suhu di dalamnya sentiasa sejuk. Sebelum petak ikan ditutup, satu lapisan *span* yang berukuran satu meter persegi akan digunakan. Apabila semua kerja ini selesai dijalankan, salah seorang daripada *Nakwang hear* ditugaskan untuk membersihkan bahagian *dek* supaya bahan-bahan kotoran seperti lumpur,

Gambar 4.20 : Buruh Perikanan Thai Sedang Melakukan Penggredan Sotong Di Atas Bot Pukat Tunda



telur sotong dibersihkan dengan segera dengan menggunakan pancutan air yang disedut dari laut.

Sementara menunggu kerja-kerja menaikkan pukat yang seterusnya, *Nakwang hear* yang tidak terlibat dalam kerja-kerja pembersihan dek akan beredar dan berkumpul di bahagian buritan bot. Sementara menunggu *Phoa krur* menyiapkan makanan tengah hari, semua *Nakwang hear* akan berehat sambil berbual, membaca majalah dan mendengar muzik. Kebiasaan kerja-kerja menunda akan berakhir antara pukul tujuh hingga lapan malam.

Di waktu malam, buruh perikanan Thai akan *mencandat* sotong. Sebelum kerja *mencandat* sotong dijalankan kesemua *sportlight* yang berkuasa 500 watt di atas bot akan dipasang supaya keadaan bot menjadi terang benderang, yang boleh menarik perhatian sotong. Sotong akan bermain di bawah cahaya lampu *sportlight* dan seterusnya tersangkut pada candat yang dipasang di sekeliling bot.

Sotong yang diperoleh daripada aktiviti *mencandat*, tidak akan dikira dalam pembahagian panggu. Hasil jualan sotong akan diterima sepenuhnya oleh mereka yang *mencandat*. Oleh sebab itu pada waktu malam, buruh perikanan Thai tidak akan tidur, masa tersebut digunakan untuk *mencandat* sotong. Kegiatan ini amat ketara pada musim sotong iaitu sekitar penghujung bulan April dan awal Mei. Aktiviti *mencandat* sotong akan berakhir antara pukul lima hingga enam pagi.

Pendapatan sampingan yang diterima oleh buruh perikanan Thai daripada aktiviti *mencandat* sotong adalah lumayan. Sementara itu kos yang diperlukan untuk membeli alat *mencandat* tidaklah tinggi. Mereka hanya perlu mengeluarkan belanja untuk membeli beberapa bentuk mata candal dan tali tangsi sahaja. Di samping itu, mereka tidak perlu membeli umpan di kedai kerana ia boleh menggunakan ikan-ikan yang ditunda pada waktu siang secara percuma. Secara puratanya, setiap seorang daripada mereka akan berjaya menaikkan antara 20 hingga 25 kilogram sotong dalam masa semalam. Hasil sotong yang diperoleh daripada aktiviti *mencandat* ini akan dimasukkan ke dalam plastik hitam dan diikat menggunakan tali rafia yang berlainan warna, tujuannya adalah untuk membezakan hasil candal antara satu sama lain.

Apabila semua *kabat* yang terdapat di dalam bot telah digunakan. *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* bersiap sedia untuk balik ke jeti. Pada malam hendak bertolak ke jeti, aktiviti *mencandat* sotong tidak akan dijalankan, mereka akan mengeluarkan semula sotong-sotong yang *dicandal* dan meletakannya di tempat yang berasingan supaya mudah untuk dikeluarkan. Setelah semua kerja-kerja selesai dijalankan, semua awak-awak di atas bot akan mandi dan menyalin pakaian yang bersih serta menunggu masa untuk bot sampai ke jeti.

Daripada pemerhatian didapati, semua awak-awak yang bekerja di atas bot pukat tunda akan tidur sepanjang perjalanan balik ke jeti. Ini kerana sepanjang masa berada di laut mereka tidak mempunyai masa untuk berehat dan masa rehat pada waktu malam telah digunakan untuk *mencandat* sotong. Namun begitu *Taikong* dan *Nakkapprea* tidak dapat berehat sepenuhnya

kerana mereka akan bergilir-gilir mengemudi bot sehingga sampai ke jeti. *Taikong* hanya akan tidur ayam sahaja dan mula berjaga apabila bot menghampiri kawasan pulau. Ini kerana di kawasan pulau mudah berlaku kemalangan kerana banyak bot penumpang, bot lesen A dan B beroperasi di kawasan ini.

Setelah bot menghampiri kawasan Pulau Perhentian, *Taikong* akan menghubungi majikan dengan menggunakan telefon bimbit kerana di sekitar pulau, perkhidmatan telefon bimbit boleh digunakan. Tujuan *Taikong* menghubungi majikan adalah untuk memberitahu keadaan mereka sepanjang berada di laut seperti keadaan cuaca di laut dan hasil tangkapan. Selain daripada itu, *Taikong* juga ingin mengetahui harga hasil perikanan di pasaran Tok Bali.

Pada bulan April hingga Jun, biasanya bot pukat tunda di Tok Bali tidak akan mendarat hasil tangkapan di negara Thailand kerana pada bulan ini kebanyakannya hasil yang diperoleh adalah sotong. Pada bulan Ogos hingga September, hasil tangkapan yang diperoleh pula adalah ikan. Namun begitu, bot pukat tunda di sini tidak perlu bimbang kerana mereka tidak perlu bersaing dengan bot lain. Keadaan ini berlaku disebabkan bilangan bot pukat tunda di sini sangat terhad dan hasil yang diperoleh adalah dari jenis ikan demersial, jadi ia tidak mendatang sebarang masalah kepada *Taikong* atau majikan untuk mengawal harga ikan di pasaran.

4.9 AKTIVITI YANG DIJALANKAN SELEPAS BALIK KE TOK BALI

Setelah sampai ke jeti, semua awak-awak dibenarkan berehat,

berjalan-jalan di sekitar jeti, membeli makanan dan sebagainya. Kebiasaanannya hasil tangkapan tidak akan diturunkan kerana pada masa tersebut peraih ikan masih berkurangan. Seperti biasa *Taikong* hanya akan mengarahkan awak-awak menurunkan semua hasil tangkapan apabila ramai peraih ikan, pemberong ikan dan pengguna telah ramai datang untuk membeli ikan di jeti, antara pukul tujuh hingga sembilan malam.

Setelah ramai peraih ikan telah tiba, *Taikong* akan mengarahkan awak-awak menurunkan kesemua ikan, sotong dan udang yang disimpan di dalam *kabat*. Kerja-kerja untuk menaikkan hasil tangkapan bagi bot tunda tidak mengambil masa yang lama kerana semua hasil perikanan telah dimasukkan ke dalam *kabat* dan *Jurucasbog* perlu turun ke dalam *hompral* untuk memindahkan *kabat* ke atas *dek* dengan cara menyerahkan *kabat* dari satu *Nakwang hear* ke *Nakwang hear* di atas *dek*. Selepas itu *kabat* ini akan dipindahkan dari bot ke jeti dengan menggunakan *besi gelungsur*, dan akhirnya dimasukkan ke dalam tong ikan dan ditimbang. Pada masa itu, *Phuchui Taikong* akan merekodkan hasil timbangan dan dua orang *Nakwang hear* yang lain akan memindahkan *kabat* tersebut ke atas *lori peraih ikan*.

Setelah menurunkan ikan, semua awak-awak akan berkumpul di kedai makan di jeti Tok Bali dan mereka akan makan bersama-sama dengan pengurus ikan. Kesemua kos makan akan dimasukkan ke dalam akaun majikan. Akan tetapi sekiranya mereka ingin makan di kedai yang lain, kos makan mestilah dibayar oleh mereka sendiri. Daripada pemerhatian didapati semasa bot mendarat ikan di jeti, semua awak-awak tidak akan makan di atas bot sebaliknya mereka akan makan di kedai di sekitar jeti. Semasa di jeti

aktiviti yang dilakukan oleh buruh perikanan Thai bot pukat tunda adalah sama dengan bot pukat jerut seperti mana yang telah dibincangkan sebelum ini.

4.10 KESIMPULAN

Sebelum bot keluar ke laut, semua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut dan bot pukat tunda perlu membuat persiapan yang rapi. Mereka perlu mengisi minyak, mengisi air batu, *membubu* pukat, membaiki kerosakan bot, dan membeli keperluan dapur. Semua kerja ini dijalankan secara sistematik kerana ia dibuat mengikut keutamaan dan aturan. Semua kerja ini berjalan mengikut arahan yang diberikan oleh *Taikong*.

Bagi buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot pukat jerut akan kelihatan sibuk menyediakan unjam pada trip ketiga setiap bulan. Semua bahan yang akan digunakan disediakan oleh majikan tempatan. Penghususan kerja akan berlaku sepanjang masa menghasilkan unjam. Masa yang digunakan untuk membuat unjam adalah dari pagi hingga malam untuk menyiapkan 30 buah unjam. Manakala buruh perikanan Thai di bot tunda akan kelihatan sibuk untuk *membubu* pukat dan semua aktiviti ini akan dilakukan terlebih dahulu di jeti. Semua kerja ini buat secara bersama-sama dan buruh perikanan Thai dari bot lain tidak akan datang membantu.

Sebelum bot keluar ke laut, *Nakkapprea* akan mengerakkan bot ke jeti yang menyediakan pam minyak di sekitar jeti. Semasa hendak mengisi minyak, *Phuchui Taikong* akan berjumpa dengan pengurus pam dan menerangkan kuantiti minyak yang diperlukan, selepas itu dua orang buruh perikanan Thai yang mengikutinya akan menjalankan kerja-kerja mengisi

minyak. Bagi sesetengah bot di Tok Bali akan terus mengisikan minyak sebaik sahaja kerja-kerja mendaratkan ikan selesai dijalankan.

Semasa bot siap mengisi minyak diesel, *Nakkapprea* akan terus menggerakkan bot ke tempat kilang air batu yang berdekatan. Air batu akan dihancurkan terlebih dahulu. Sebelum mengisi air batu, *Jurucasbog* akan berjumpa dengan *Taikong* untuk mengetahui kuantiti air batu yang diperlukan. *Jurucasbog* akan memastikan semua air batu yang dihancurkan dimasukkan ke dalam *hompral* secara berselang seli. Kuantiti air batu yang digunakan bergantung pada tempoh masa operasi memukat.

Sebelum bot keluar ke laut pukat yang koyak dikeluarkan dari *hompral* dan aktiviti *membubu* akan dijalankan. Kerja-kerja *membubu* pukat memerlukan kemahiran yang tinggi. Bagi mereka yang tidak mahir akan membantu awak-awak lain untuk memasukkan benang ke dalam *chabang*. Aktiviti *membubu* pukat yang melebihi dua hari akan dibayar dan biasanya pukat yang koyak teruk akan diturunkan ke jeti. Kerja *membubu* pukat biasanya akan dijalankan pada musim tengkujuh.

Sebelum bot keluar ke laut, *Enginear* akan memastikan semua enjin dan mentol *sportlight* di atas bot dapat berfungsi dengan baik. Bagi *Phoa krur* pula akan memastikan semua barang-barang keperluan dapur yang hendak digunakan di atas bot disediakan secukupnya. Sebelum mendapatkan barang di kedai berdekatan, *Phoa krur* akan berjumpa dengan *Taikong* untuk mengetahui lokasi dan tempoh masa memukat supaya dapat menentukan jumlah barang yang perlu disediakan.

Sebelum aktiviti memukat dijalankan, unjam-unjam yang dibawa bersama ke laut akan diturunkan di setiap kawasan unjam ibu mengikut arahan *Taikong*. Semasa hendak menurunkan unjam sembilan awak-awak diperlukan dan buluh akan diturunkan terlebih dahulu dikuti dengan pelepas kelapa dan guni pasir. Semua kerja ini dilakukan dengan berhati-hati dan proses menurunkan unjam dijalankan secara berurutan. Manakala bagi bot pukat tunda pula akan terus menurunkan pukat apabila sampai ke lokasi menunda.

Sebelum aktiviti memukat di atas bot pukat jerut dijalankan, rumah api akan diturunkan dan tujuan ia digunakan adalah untuk menarik perhatian ikan supaya berenang dan berkumpul di sekitar unjam. Proses menurunkan pukat sehingga semua ikan disimpan di dalam *hompral* mengambil masa antara satu setengah hingga dua jam. Secara puratanya semalam tiga kali pukat akan diturunkan dan kerja-kerja memukat akan berakhir sekitar enam hingga tujuh pagi. Pada waktu siang ramai awak-awak akan menggunakan masa ini untuk memancing. Manakala bagi bot pukat tunda akan ditunda selama empat hingga lima jam dan ikan yang ditangkap akan melalui proses penggredan terlebih dahulu, sebelum dimasukkan ke dalam *kabat* dan kemudiannya disimpan dalam *hompral*. Aktiviti penundaan akan berakhir antara tujuh hingga lapan malam. Pada waktu malam buruh perikanan Thai menggunakan masa ini untuk *mencandat* sotong yang akan berakhir antara jam lima hingga enam pagi.

Setelah semua *hompral* di atas bot dipenuhi dengan ikan, *Taikong* akan mengarahkan *Nakkapprea* dan semua awak-awak bersedia

untuk pulang ke jeti. Sebelum sampai ke jeti, *Taikong* akan menghubungi majikan tempatan untuk mengetahui harga pasaran ikan di jeti. Seandainya berlaku ledakan ikan di Tok Bali, *Taikong* akan terus mendaratkan ikan di selatan Thailand. Dalam perjalanan bot dari kawasan memukat untuk sampai ke jeti Tok Bali mengambil masa antara 10 hingga 12 jam. Bot pukat tunda akan terus mendaratkan ikan di jeti Tok Bali, kerana hasil tangkapan adalah jenis ikan demersial dan harga pasaran ikan jenis ini adalah lebih tinggi kerana tidak perlu bimbang berlakunya ledakan ikan. Keadaan ini berlaku disebabkan bilangan bot pukat tunda di Tok Bali adalah terhad.

Semasa bot sampai ke jeti, semua ikan-ikan di atas bot tidak akan terus didarangkan. Buruh perikanan Thai akan berehat dan sesetengah daripada mereka ke kedai makan di sekitar jeti. Semua hasil tangkapan hanya didarangkan pada waktu malam disebabkan pada waktu itu terdapat ramai peraih ikan, pemborong ikan dan suri rumah akan datang untuk membeli ikan di jeti Tok Bali. Secara puratanya masa yang digunakan untuk memindahkan ikan pada bot pukat jerut mengambil masa satu jam untuk satu *homprai*. Manakala bagi memindahkan hasil ikan di atas bot pukat tunda tidak mengambil masa yang lama, disebabkan semua ikan telah diisikan dalam *kabat*.

NOTA HUJUNG

- ¹ *Taikong* (Tekong), *Phuchui Taikong* (Pembantu Tekong), *Nakkapprea* (Juru mudi), *Phoa fei* (Juru lampu), *Enginear* (Engineer), *Phoa krur* (Juru masak), *Nakdamnam* (Juru selam), *Nakwang hear* (Juru pukat), *Jurucasbog* (Juru Casebox), Juru sauh, Juru unjam dan Juru winch.
- ² Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Perusahaan Perikanan Di Semenanjung Malaysia**, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, hal. 26.
- ³ *Chabang* adalah sejenis alat yang digunakan untuk membubu pukat.
- ⁴ Bot unjam ialah bot anak yang diubahsuai dan dipasang dengan spotlight di sekeliling bot. Bot ini digunakan untuk memerangkap ikan supaya menghampiri kawasan unjam.
- ⁵ Bunyi yang dikeluarkan oleh sonar adalah bergantung kepada taburan ikan yang berjaya dikesan. Bunyi yang dikeluarkan seperti "ketok.....Ktok, semakin banyak taburan ikan semakin kuat dan nyaring bunyi akan dikeluarkan dari sonar.
- ⁶ Unjam ibu ialah unjam kekal yang dipasang di tengah laut untuk menarik perhatian ikan berkumpul di tengah-tengah laut.
- ⁷ Rumah api ialah sejenis alat pelampung yang digunakan untuk menarik tumpuan ikan ke kawasan unjam dan setiap pelampung diletakan tiga pelita gas untuk menerangkan sekitar unjam.
- ⁸ *Viduyuk* ialah istilah yang digunakan oleh buruh perikanan Thai untuk menunjukkan alat komunikasi digunakan untuk berhubung di antara bot dengan bot dalam semasa di tengah laut
- ⁹ Changdak adalah sejenis besi yang berbentuk cangkuk yang digunakan untuk memudahkan menarik sesuatu, khususnya barang yang terapung di permukaan air.
- ¹⁰ *Telaga ikan* ialah keroncong pukat yang dipenuhi dengan ikan, ia berbentuk segi tiga yang terletak di sebelah sisi kanan birai bot.
- ¹¹ Sauk yang digunakan adalah berbentuk bulat dengan berukuran setengah meter garisan pusat dan satu meter dalam dan jaring sauq diperbuat daripada pukat yang bersaiz setengah inci, panjang pemegang sauq adalah empat meter dengan ketebalan tiga setengah inci dan bahagian tengah permukaan sauq akan diikat dengan tali sauq.
- ¹² *Taikong* amat mengambil berat tentang penjagaan kesegaran ikan selepas sahaja ikan dinaikkan. Ini kerana kesegaran ikan boleh mempengaruhi harga ikan apabila sampai ke daratan. Kesegaran ikan dilihat daripada aspek seperti daging kenyal, mata yang jernih, kulit dan sisik yang berkilat. *Taikong*

dan semua awak-awak di atas bot bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kesegaran ikan selepas ikan ditangkap.

¹³ Untuk sampai ke Tok Bali, dari tengah laut bot perikanan C2 perlu melalui sembilan buah pulau, antaranya seperti pulau Perhentian Besar, Pulau Perhentian Kecil dan Pulang Lang Tengah.

¹⁴ Ikan runcit ialah ikan yang dapat dikomersialkan kerana jenis ini adalah bersaiz besar dan boleh digunakan untuk membuat lauk seperti ikan tuna (*Euthynnus*), *Kishionolla tongkol*, ikan cencaru (*Megalospis*), ikan selayang (*Decapterus spp*), ikan tamban (*Clupea spp*), ikan kembung (*Rastrelliger spp*) dan ikan tenggiri (*Scomberomorus*).

¹⁵ Besi *gelungsur* digunakan untuk memudahkan kerja-kerja menurunkan ikan dari bot ke jeti, alat ini diletak secara melintang di antara bot dengan jeti.

¹⁶ Setiap kali pengisian air perlu mendapat kebenaran daripada penjaga jeti kerana kesemua bot yang mendarat di jeti Tok Bali juga terdiri daripada bot majikan lain.

¹⁷ Ismail Ali, "Perusahaan Perikanan Di Kota Kinabalu, Sabah, 1980-1988, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 1990. hal. 30.